

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 187 ● 21 - 27 OKTOBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](https://t.me/Wilayahku)

 [WK TV](https://www.youtube.com/WKTV)



## Putrajaya ke arah Bandar Mampan Pintar Kerjasama PPj, PETRONAS

**S**ESUAI dengan status sebagai bandar pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya bakal membuka sebuah Hab Inovasi Bandar Mampan Pintar (*Smart Sustainable City Innovation Hub*) yang akan menggalakkan inovasi bandar pintar dalam persekitaran sebenar.

Melalui kerjasama yang dimeterai bersama PETRONAS Global Technical Solutions Sdn Bhd (PGTSSB) anak syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), hab ini akan menghimpunkan pakar serta pemain industri pemula bagi membangunkan teknologi berkaitan bandar pintar Putrajaya.

Projek yang melibatkan kerjasama awam-swasta dapat menjadikan Putrajaya sebagai salah satu dari Hab Inovasi pembangunan penyelesaian *Techno Digital* dan penyelidikan sekali gus menyokong agenda kerajaan dalam pembangunan ekonomi digital dan Revolusi Industri (IR) 4.0.

[LAGI BERITA DI MUKA 2](#)



# PETRONAS, PPj teroka potensi teknologi bandar mampan pintar

AZLAN ZAMBRY

**K**ERJASAMA yang dimeterai di antara Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan PETRONAS Global Technical Solutions Sdn Bhd (PGTSSB) anak syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dalam membangunkan Hab Inovasi Bandar Mampan Pintar bakal melonjakkan lagi imejnya sebagai sebuah bandar pintar di negara ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata melalui kerjasama itu, ia akan menghasilkan lebih banyak inovasi tempatan melalui kerjasama awam-swasta.

"Ia juga dapat menjadikan Putrajaya sebagai salah satu dari Hab Inovasi pembangunan penyelesaian *Techno Digital* dan penyelidikan di negara ini.

"Selain dari itu, ia dapat menerapkan amalan terbaik Petronas dalam *Smart Sustainable City Innovation Hub* dan melalui kerjasama ini ia juga dapat meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat pemula tempatan (*local start-up*)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PPj dan PGTSSB berkaitan penubuhan *Putrajaya Smart Sustainable City Innovation Hub* di ibu negara pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), **Datuk Seri Rosida Jaafar**, Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** dan Ketua Pegawai Eksekutif PGTSSB, **Annaliz Abu**



**SHAHIDAN** (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen di antara **Fadlun** dan **Annaliz** dalam satu majlis pada Selasa.



**ANNALIZ**



**FADLUN**

Bakar.

Menjelas lanjut, Shahidan berkata hab berkenaan merupakan sebahagian usaha untuk menjadikan Putrajaya sebagai bandar yang menyokong pembangunan inovasi tempatan melalui penyediaan *live lab* sebagai salah satu daripada komponen hab tersebut.

"*'Live lab'* yang disediakan itu bagi menguji keberkesanannya sesuatu

inovasi *Smart City* di dalam persekitaran sebenar.

"Selain itu, PPj turut menyediakan premis *Smart Sustainable City Innovation Hub* dengan insentif yang dapat menarik minat syarikat pemula dan syarikat berdasarkan teknologi untuk membuka pejabat dan makmal teknologi di Putrajaya," katanya.

Beliau berkata melalui Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (*MySmartWilayah 2030*), ia telah menggariskan tujuh dasar utama iaitu *smart governance, smart economy, smart living, smart environment, smart people, smart mobility* dan *smart digital infrastructure* untuk dijadikan panduan kepada agensi-agensi di bawahnya.

"Ia juga selaras dengan Blueprint



**PUTRAJAYA Command Center** merupakan komponen utama dalam pelaksanaan inovasi sebagai bandar pintar.

bersih.

"Perjanjian yang akan ditandatangi ini akan membuka ruang baharu untuk bersama menyokong aspirasi PPj dalam pembangunan perbandaran rendah karbon.

"Di bawah perjanjian ini, PGTSSB akan menyediakan khidmat perunding teknologi dan teknikal bagi membolehkan penyelesaian karbon rendah ke arah telaga hijau pintar serta meneroka potensi kerjasama dalam projek sinki karbon," katanya.

Tambahnya, melalui perjanjian itu, semua pihak dapat meneruskan momentum yang lebih kukuh dalam penerokaan teknologi untuk kelestarian dan mempercepatkan aspirasi pelepasan karbon sifar rendah bersih dalam membentuk bandar rendah karbon yang mampan. **WK**

## Hab Inovasi Bandar Pintar Putrajaya beroperasi tahun hadapan

**PENUBUHAN** Hab Inovasi Bandar Mampan Pintar Putrajaya bakal memulakan operasi awal tahun 2023.

Bercakap mengenai perkara itu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata pihaknya menyediakan Bangunan Chancery Place dekat Presint 15 akan memfokuskan kepada bidang Infrastruktur dan Bangunan, Mobiliti, Alam Sekitar, Keselamatan, Warga Digital serta Pembangunan Kepimpinan dan Keupayaan.

"PPj menyediakan ruang kira-kira 2,500 meter persegi untuk pakar-pakar tempatan menjalankan kajian dan penyelidikan bagi menghasilkan inovasi tempatan untuk keperluan PPj sebelum diperkenal kepada bandar-bandar lain di Malaysia.

"Hab ini juga akan membawa rangkaian kerjasama dalam inovasi tempatan untuk penyelesaian

bandar pintar serta mewujudkan peluang ekonomi," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Ditanya mengenai insentif yang dapat menarik minat syarikat pemula dan syarikat berdasarkan teknologi untuk membuka pejabat dan makmal teknologi di Putrajaya, Fadlun berkata kemudahan yang disediakan adalah ruang kerja yang membolehkan mereka menjalankan penyelidikan di situ serta menjadi-kan Putrajaya sebagai *'test bed'*.

Selain itu, pihak PPj akan memberikan insentif kepada syarikat terpilih sekiranya teknologi yang diperkenalkan itu berjaya dilaksanakan di Putrajaya.

"Sebagai contoh syarikat pemula (*Startup*) mereka bentuk dan membungkukan projek lampu pintar (*smart lighting*) yang bermula dengan 200 batang lampu dengan kos RM200 ribu.

"Di Putrajaya, kita mempunyai 15,000 tiang lampu yang boleh



**BANGUNAN Chancery Place** di Presint 15 akan dijadikan Hab Inovasi Bandar Mampan Pintar Putrajaya bakal beroperasi awal tahun hadapan.

menerima konsep ini untuk keseluruhan lampu itu dengan kos projek kira-kira RM15 juta. Jadi insentif yang diberikan

ialah berupa kos penjimatan hasil daripada teknologi yang digunakan. Kita boleh gunakan kos penjimatan untuk dikongsi sekali

gus ia menjadi rakan niaga," katanya.

Menurut Fadlun, PETRONAS melalui anak syarikatnya, PETRONAS Global Technical Solutions Sdn Bhd (PGTSSB) akan menaja kos penyelidikan dalam menghasilkan produk inovatif di hab tersebut selain turut mempunyai ramai penyelidik yang akan bersama-sama dengan PPj.

"Mereka juga akan bersama-sama dengan PPj untuk berurus dengan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) seluruh negara bagi memasarkan produk pintar ini termasuklah syarikat swasta atau agensi kerajaan yang berminat," katanya.

Tambahnya, melalui penubuhan hab tersebut PPj menetapkan Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 15 produk pintar yang melibatkan kos keseluruhan hampir RM220 juta. **WK**

Generasi muda diseru rebut peluang keusahawanan

# 400 kekosongan program UAMK di KL

**L**EBIH 600 kuota Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) di Kuala Lumpur telah dipenuhi membuktikan inisiatif tersebut mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan muda.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Datuk Azmi Abdul Hamid** berkata program tersebut untuk menggalakkan generasi muda menyertai sektor keusahawanan di tengah bandar raya Kuala Lumpur.

"DBKL telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan kawasan untuk 1,000 peserta UAMK di sekitar bandar raya dan untuk masa ini, sebanyak lebih 600 peserta telah pun mengambil bahagian."



AZMI

"Baki hampir 400 kuota ini perlu dipenuhi dan ia masih terbuka kepada semua golongan generasi muda untuk turut serta dan merebut peluang keemasan menyertai aktiviti ekonomi di Kuala Lumpur," katanya pada Jumaat.

Azmi berkata DBKL akan membantu peserta ini menyediakan lokasi termasuklah di sesetengah tempat kios dengan reka bentuk yang moden turut disediakan untuk mereka memulakan perniagaan.

"Sudah pasti tidak semua tempat ada kemudahan kios namun jika mereka mempunyai lokasi yang baik dan mampu menarik pengunjung, DBKL akan pertimbangkan," katanya.

Jelasnya, melalui kemudahan kios, peserta digalakkan menjual

makanan siap masak namun untuk beberapa keadaan mereka dibenarkan memasak namun ia mestilah dalam keadaan yang terkawal.

"Kios ini kecil sahaja, jika hendak memasak, ia mestilah jenis makanan yang segera seperti burger dan tidaklah seperti gerai-tomyam."

"Larangan itu dibuat bagi menjaga kawasan persekitaran dan mengelakkan ia menjadi sarang tikus dan serangan lain," katanya.

Sementara itu, Azmi menyeru semua persatuan belia di ibu negara untuk merebut peluang keemasan dengan menyertai program UAMK.

"Persatuan belia ini mempunyai keahlian yang ramai dan mereka mesti menyahut seruan Menteri Wilayah Persekutuan supaya program ini mendapat sambutan sekali gus dapat mencapai sasaran kerajaan yang mahukan generasi muda menjadikan keusahawanan sebagai cabang pekerjaan," katanya. **WK**



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membuka beberapa kawasan untuk kemudahan usahawan food truck melalui Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK).

## Koir DBKL JC's Voice naib johan Pertandingan Koir Perpaduan WPKL

HAZIRAH HALIM

**KUMPULAN** Koir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), JC's Voice muncul naib johan dalam Pertandingan Koir Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) baru-baru ini bertempat di Auditorium 2, Universiti Asia Pasific Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Menurut Ketua Pasukan Koir DBKL, **Azmi Abdul Hamid** kemenangan tersebut merupakan hadiah dan penghargaan besar buat seluruh anggota kumpulan JC's Voices di atas komitmen yang diberikan sebelum pertandingan berlangsung.

"Saya berasa bangga dengan

usaha yang diberikan oleh mereka. Kadang-kadang semasa waktu rehat mereka curi masa seketika untuk berlatih kerana ahli koir terdiri daripada pelbagai jawatan daripada beberapa jabatan di DBKL.

"Kami hanya mengambil masa selama tujuh hari sahaja untuk berlatih sehingga ke hari pertandingan dan lebih membanggakan, ini merupakan anugerah pertama buat pasukan koir JC's Voices bagi tahun 2022," katanya kepada *Wilayahku*.

Seiring tujuan penganjurannya untuk memartabatkan bahasa kebangsaan melalui platform muzik, JC's Voices menyampaikan lagu Gemuruh daripada penyanyi terkenal, Faizal Tahir.

"Lagu tersebut telah digubah semula oleh unit muzik DBKL dan merupakan antara 15 buah lagu yang disenaraikan oleh pihak penganjur," katanya.

Dianggotai seramai 22 orang di bawah penyelarasan Unit Muzik, Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan sukan DBKL, JC's Voices ini berjaya membawa pulang sebuah trofi, sijil beserta wang tunai bernilai RM3,500.

Ditanya tentang perancangan JC's Voices, Azmi berkata selaku tenaga pengajar, beliau akan terus menumpukan perhatian kepada persembahan majlis

rasmi anjuran DBKL, pihak kementerian dan swasta.

"Kami juga sentiasa bersedia untuk menyertai mana-mana pertandingan bagi meningkatkan lagi mutu persembahan serta mengumpul pengalaman untuk muncul sebagai kumpulan koir yang hebat buat warga kota," katanya.

Terdahulu, pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan

Negara dan Integrasi Nasional WPKL pada 15 dan 16 Oktober lalu diadakan bersempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Ia disertai oleh lapan buah kumpulan Koir sekitar Kuala Lumpur antaranya Malaysia Institute of Art (MIA), Universiti Geomatika Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Kebangsaan Kepong, Kuala Lumpur dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional WPKL. **WK**



AZMI (lima kiri) bergambar bersama pasukan Koir DBKL, JC's Voices sejurus diumumkan sebagai naib johan pertandingan di Universiti Asia Pasific Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

## PUSAT JANTUNG HOSPITAL SERDANG

**Mula beroperasi**  
**12 Dis 2022**

**Beroperasi sepenuhnya**  
di bawah KOM

**Sebagai pusat rujukan rawatan jantung:**

- Bagi Wilayah Tengah & kes jantung kompleks seluruh negara
- Tingkatkan kemampuan laksana prosedur jantung

**Fasiliti yang disediakan**

- Pengoperasian pusat kardiologi membolehkan:**
  - Tempoh menunggu lebih pendek bagi kes elektif yang stabil
  - Dari 18 bulan --> 9 bulan
  - Proses & tempoh menunggu rawatan angiogram lebih cepat
  - Rawatan kes kecemasan serta
- Makmal Jantung Invasif di Jabatan Kecemasan**
  - Teknologi setanding negara major lain
  - Bolehkan kes serangan jantung akut terima rawatan segera & terbaik
- Dewan bedah hibrid**
  - Pertama seumpamanya dalam fasiliti KKM
  - Beri manfaat kepada 250 pesakit setahun

**RMK - Rumah Kesehatan Malaysia MRI - Imajiner magnetik resonance**

**Sumber: Wetar Kebudayaan & Seni**

**Terakhir: 10 Dis 2022**

# Tourism Malaysia, EMGS promosi hab destinasi pengajian, pelancongan

HAZIRAH HALIM

**T**OURISM Malaysia dan Education Malaysia Global Services (EMGS) menjalin kerjasama bagi mengukuhkan tarikan negara sebagai sebuah destinasi pengajian pilihan dalam kalangan pelajar antarabangsa serta pelancong dari seluruh dunia.

Menurut Ketua Pengarah Tourism Malaysia, **Datuk Zainuddin Abdul Wahab**, kerjasama itu bertujuan memanfaatkan perkongsian kepakaran antara kedua-dua pihak dalam aspek komunikasi, penjenamaan, pengiklanan, acara, kempen, bahan pemasaran dan promosi serta media dan perhubungan awam.

"Selain itu, ia juga mampu membentuk sinergi dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan hab pendidikan pilihan bertaraf dunia terutama melalui program mobiliti dan kursus jangka pendek dengan melibatkan pelajar antarabangsa.

"Jelaslah, kehadiran mereka ke negara sememangnya membantu meningkatkan ketibaan pelancong melalui segmen *edutourism* misal-



ZAINUDDIN (kanan) dan Mohd Razlan (kiri) menunjukkan MoC yang disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar di Putrajaya, baru-baru ini.

nya pelajar akan datang bersama keluarga sekali gus dapat menjana ekonomi negara.

"Kerjasama ini juga berupaya membantu merancakkan industri pelancongan negara bagi mencapai sasaran ketibaan pelancong sebanyak 9.2 juta dengan nilai

pendapatannya sebanyak RM26.8 bilion menjelang hujung tahun ini," katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) di Putrajaya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, **Mohd Radzlan Jalaludin** berkata pihaknya ber-

besar hati dapat menjalinkan kerjasama strategik bersama Tourism Malaysia kerana percaya sektor pelancongan dan pendidikan saling bergantung antara satu sama lain.

"Khabar gembira buat kami, setakat ini EMGS telah menerima lebih 42,000 permohonan daripada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di Malaysia sekali gus berkeupayaan untuk mencapai sasaran 50,000 permohonan pada tahun ini.

"Terdapat lima negara utama yang mencatatkan permohonan tertinggi untuk program mobiliti antaranya Indonesia, Perancis, Jepun, Jerman dan United Kingdom," katanya.

Dalam pada itu, kedua-dua pihak juga akan bekerjasama mempromosikan penjenamaan 'Study in Malaysia' seiring dengan slogan 'Malaysia Truly Asia' yang digunakan di peringkat global.

Terdahulu, jalinan kerjasama itu dimeterai dalam satu MoC yang turut disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar. **WK**

## KPM perkasa minat pelajar dalam pelbagai jenis sukan

DIANA AMIR

**K**E M E N T E R I A N Pendidikan Malaysia (KPM) akan meneruskan usaha memperkasakan minat murid-murid sekolah dalam pelbagai jenis sukan sebagai salah satu usaha

pembangunan pendidikan negara.

Menteri Kanan Pendidikan, **Datuk Dr Radzi Jidin** berkata ruang seluas-luasnya akan diberikan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga menerusi aktiviti

kokurikulum.

"Dalam konteks KPM, kita terbuka untuk mendedahkan anak-anak kita kepada pelbagai jenis sukan supaya mereka dapat ruang dan peluang untuk mempelajari bidang sukan yang baharu.

"Bukan sahaja itu, mereka

jugalah mungkin akan melihat sukan ini bersesuaian dengan mereka dan akan meneruskan minat dalam sukan sebegini," katanya selepas sesi pengenalan jurulatih sukan Touch Football ternama, Peter Walters di Sekolah

Kebangsaan Presint 16 (1), Putrajaya.

Mengulas berkenaan sukan Touch Football, Peter dibawa sebagai ikon kerana namanya cukup sinonim dengan sukan tersebut.

"Persatuan Sukan Touch Malaysia membawa Peter

untuk bersama-sama memperkenalkan sukan ini di pelbagai peringkat termasuk di sekolah-sekolah. Dia akan berada di sini selama seminggu untuk turun ke beberapa buah negeri bagi program bersama masyarakat dan di sekolah. **WK**

## CERITA KEDAI KOPI

### Ramai warga Putrajaya obes?

**H**AMPIR separuh, iaitu 45.8 peratus daripada penduduk dewasa di pusat pentadbiran persekutuan Putrajaya, dilapor menghadapi masalah obes atau gemuk.

Kenapa ini berlaku? Adakah ia menggambarkan warga dewasa Putrajaya malas beriadah atau bersenam untuk menjaga kesihatan badan sedangkan terdapat 11 taman indah dan tasik di situ?

Sudah diketahui, bersenam dalam apa juga bentuk seperti berjalan kaki, berjogging atau berbasikal merupakan antara cara menjaga kesihatan serta mampu mengelakkan risiko obes. Mudah sahaja melakukan eksersis ini tanpa memerlukan perbelanjaan.

Dianggarkan jumlah penduduk Putrajaya kini dalam lingkungan 100,000 orang. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 90 peratus adalah kawitangan awam.

Secara umum, tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 menunjukkan masalah obesiti dalam kalangan orang dewasa berusia 18 tahun ke atas ialah 19.7 peratus. Sejumlah 30.4 peratus orang dewasa pula mengalami berat badan berlebihan.

Selanjutnya, masalah obes di kalangan

penjawat awam juga tinggi, sebanyak 41.4 peratus. Berapa ramai agaknya kakitangan awam di Putrajaya yang tergolong dalam kelompok obes ini?

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya warga Putrajaya sendiri tidak mahu ia digelar bandar obes kerana ramai penduduknya mempunyai kadar lemak tinggi. Tambahan Putrajaya bukan sahaja cantik tetapi dipenuhi persekitaran hijau serta mesra gaya hidup sihat.

Dalam suasana segar persekitaran, dan banyaknya taman dan tasik, sepatutnya mewujudkan suasana kondusif bagi kehidupan selesa dan sihat. Namun untuk memastikan matlamat itu tercapai, kemudahan yang disedia mesti digunakan sepenuhnya.

Dalam 11 kawasan taman, tasik dan wetland di Putrajaya untuk manfaat penduduknya, pelbagai kemudahan disediakan untuk eksesia seperti berjalan, berjogging dan berbasikal.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, jumlah ini mencukupi. Cuma yang penting, ia perlu dimanfaatkan. Tidak memadai sekadar menjadi kebanggaan Putrajaya tetapi kurang dihargai oleh penduduk.

Antara yang popular ialah Taman Wetland, Taman Saujana Hijau dan Taman Warisan Pertanian. Pengunjung boleh berbasikal atau berlari menghirup udara segar di Taman Wetland yang menjadi persinggahan hampir 60 spesies burung penghijrah.

Berjogging di Taman Saujana Hijau tidak kurang menariknya. Ini kerana taman ini

menyerlahkan kepada pengunjung suasana 'taman dalam taman', menampilkan tiga kategori taman, iaitu Inggeris, Oriental dan Eropah.

Sambil beriadah di Taman Warisan Pertanian pula, pengunjung boleh menyaksikan pelbagai jenis pokok pertanian. Antaranya bendang mini (pokok padi), pokok buah-buahan tempatan dan pokok getah. Semuanya melambangkan produk pertanian negara.

Jelas taman-taman yang disediakan bukan sahaja untuk bersenam atau beriadah, tetapi diserikan dengan pelbagai sumber informasi mengenai spesies burung atau tanaman pertanian. Sambil menyelam minum air.

Oleh itu penduduk Putrajaya, rajin-rajinlah datang ke taman-taman rekreasi ini untuk beriadah, terutama bagi yang tidak mahu memiliki berat badan berlebihan. Jadikan ia amalan, bukan sekali-sekala. Penduduk luar Putrajaya juga dialu-alukan datang berkunjung.

### Ujian laluan MRT 2 Putrajaya

**L**ALUAN Transit Aliran Massa (MRT) Putrajaya Fasa 2 dijangka beroperasi menjelang tarikh sasaran, Januari 2023. Fasa 1 beroperasi Jun lalu, merangkumi 12 stesen menghubungkan Kwasa Damansara dan Kampung Batu.

Fasa 2 meneruskan sambungan perjalanan dari Kampung Batu ke stesen terakhir di Putrajaya, melengkapkan sepenuhnya laluan Kwasa Damansara—Putrajaya.

Ketika ini ujian migrasi MRT Putrajaya giat dilaksanakan sehingga 31 Disember, melibatkan tren dari Stesen MRT Putrajaya Sentral sehingga Stesen MRT Kwasa Damansara, bermakna laluan keseluruhan MRT Putrajaya.

Ertinya ujian bukan sahaja melibatkan laluan Fasa 2. Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan ujian tersebut sebagai persediaan operasi penuh laluan Putrajaya kelak.

Kerana tren ujian ini akan melalui laluan Fasa 1 yang kini beroperasi, orang ramai diminta tidak keliru. Tren ujian akan berhenti di semua stesen tetapi tidak mengambil penumpang. Pihak operator, iaitu Rapid Rail Sdn Bhd (*Rapid Rail*) akan menampal notis di pintu tren untuk panduan.

Ujian migrasi akan dipantau rapi bagi memastikan semua prosedur dipatuhi. Sepanjang proses ujian, perkhidmatan tren sedia ada tidak terjejas, khususnya pada waktu puncak pagi dan petang.

Operasi sepenuhnya laluan MRT Putrajaya bakal memberi kemudahan kepada orang ramai pergi ke pusat pentadbiran persekutuan itu tanpa perlu berkenderaan sendiri. Tidak perlu berfikir mencari parkir, terutama di kawasan yang memang kurang parkir.

Langkah tersebut merupakan usaha bersungguh-sungguh kerajaan mengurangkan kesesakan dengan menambah baik dan meluaskan rangkaian pengangkutan awam. Gunakan kemudahan ini sebaik-baiknya untuk keselesaan diri sendiri.

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@ayasanwp.org.my

### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwkt@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@ayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm866@gmail.com

### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@ayasanwp.org.my

PENAJA UTAMA



# PETRONAS GRAND PRIX OF MALAYSIA 2022

21 - 23 OKTOBER

# WILDCARD Moto3™

Syarifuddin Azman




DAPATKAN TIKET ANDA SEKARANG!

NO	KATEGORI TIKET	MYKAD (RM)	HARGA (RM)
1	Premier Seat	575.00	638.00
2	Main Grandstand	309.00	343.00
3	K1 Grandstand	182.00	202.00
4	C2 Hillstand	83.00	92.00

- Harga tiket adalah termasuk 25% cukai Hiburan.
- PARKIR PERCUMA - Terhad dan berdasarkan kaedah siapa cepat dia dapat.
- Kanak-kanak di bawah umur 2 tahun boleh masuk secara percuma tanpa tempat duduk yang diperuntukkan. Tempat duduk hanya akan diperuntukkan untuk pembeli tiket sahaja.
- Tempat duduk bebas di semua kawasan. Bahagian tertentu dikhaskan sebagai bahagian persendirian.
- Untuk Terma dan Syarat, sila layari [www.sepangcircuit.com](http://www.sepangcircuit.com)

## LOKASI TIKET



#WelcomeHome

/ SEPANGCIRCUIT.COM / @sepangcircuit /



# Ekonomi hitam cetak rompak



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**S**EWAHKU Nasir Jani mengarahkan filem Kembara Seniman Jalanan tahun 1986, ada pihak yang skeptikal dengan kemampuan pengarah baharu itu. Sesetengah daripadanya berpendapat isu cetak rompak tidak boleh 'menjual' filem itu kepada penonton.

Kembara Seniman Jalanan dihasilkan ketika dunia filem Melayu dilambakkannya dengan melodrama percintaan yang memerah air mata. Selebihnya bercorak komedi yang sebenarnya tidak kelakar. Tetapi hanya itulah sahaja menu yang dihidangkan kepada penonton.


Banyak yang berkata siapa yang hendak menonton filem yang tidak ada yang popular. Walaupun M Nasir menjadi pelakon utama, tetapi dia belum popular. Kalau dilihat daripada formula menarik penonton ke pawagam, M Nasir bukanlah orangnya.

Saya pernah bertanya kepada Nasir Jani, "Hendak jual apa dalam Kembara Seniman Jalanan?" Nasir Jani pantas menjawab, "Aku tak nak jual apa, aku nak ajak orang melawan cetak rompak. Aku nak beritahu ada orang muda bangkit lawan perusahaan haram itu."

Nasir Jani menyertai dunia profileman dengan jiwa yang rebel. Dia bukan *anti-establishment* yang membuta tuli, akan tetapi melawan kebobrokan dan dominasi politik kembungkan poket sendiri. Sekalipun begitu yang berfikiran seperti Nasir Jani tidak banyak pada zaman itu.

Tentulah tidak munasabah Nasir Jani mahu menghasilkan filem melodrama. Filem Kembara Seniman Jalanan di tangannya sangat keras dan lantang. Filem ini bukan lagi satira, sebaliknya 'membelasah' tepat pada sasar - birokrat yang karat. Akhirnya hingga kini, itulah satu-satunya filem Melayu yang bangkit melawan cetak rompak dan ketidakseriusan penguasa terhadap isu berkenaan.

Ketika Kembara Seniman dihasilkan, cetak rompak album penyanyi tempatan dan pita video filem import seperti Hollywood, Hong Kong dan filem Melayu sudah menguasai industri ini. Skalanya terlalu besar akan tetapi



CETAK rompak adalah mencuri, haram dan boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana ia merupakan musuh utama industri.

tidak ada undang-undang yang boleh membendung jenayah terancang ini.

Walaupun begitu dalam kalangan orang biasa, cetak rompak bukan satu masalah sebaliknya peluang untuk mendapatkan barang (kaset dan pita video) dengan harga yang murah. Orang jenis ini hanya melihat kepentingan di sekitar kepala lutut mereka sahaja. Inilah pemungkinan cetak rompak.

Dalam keadaan yang sedemikian berdirilah Nasir Jani dan Zarul Al Bakri yang menjadi penerbit filem Kembara Seniman Jalanan. Kedua-duanya yang masih muda ketika itu melihat cetak rompak daripada jalur pandangan yang jauh ke depan. Mereka memperlihatkan idealisme anak muda di luar isu-isu sekitar kehidupan mudanya sahaja.

Saya fikir perlu disebutkan juga bahawa ketika Nasir Jani melihat akan kerosakan yang besar daripada perusahaan cetak rompak ini, negara kita belum mempunyai satu pun akta mengenai cetak rompak. Memang patutlah tauke perusahaan ekonomi gelap ini menjadi raja.

Akta mengenai cetak rompak hanya wujud pada 1987 dikenali dengan Akta Hak Cipta 1987. Maknanya Nasir Jani lebih awal melihat permasalah berkaitan ekonomi dan sosial dalam isu cetak rompak ini. Walaupun begitu akta hanya benda mati kalau dimanfaat dengan sepenuhnya.

Hasilnya Akta Hak Cipta 1987

tidak memberikan kesan yang diharapkan. Perusahaan haram itu beroperasi seperti biasa, malah lebih ganas. Kalau pelancaran album penyanyi tempatan di sebelah pagi, pada petangnya album cetak rompak sudah berlambak di pasar malam sekitar Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur adalah lombong emas kaset cetak rompak pada tahun 1980-an. Seolah-olah cetak rompak sebuah perusahaan halal dan dilakukan secara terbuka. Malah ketika itu jarang diistilahkan sebagai kaset cetak rompak – hanya disebut kaset murah.

Apabila ada kaset murah, tentu ada kaset mahal. Yang peliknya saya tidak pernah tengok kedai menjual kaset mahal (asli). Semuanya daripada gerai di kaki lima sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit dan Pudu serta pasar malam menjual kaset cetak rompak.

Malah kita akan ditertawakan kalau hendak membeli kaset original di Kuala Lumpur. Seolah-olah tidak ada istilah kaset original yang diterbitkan oleh syarikat rakaman. Antara yang termasyhur ketika itu EMI, WEA dan Polygram. Syarikat rakaman tempatan belum wujud lagi.

Jangan marah kalau saya tidak ada statistik jumlah jutawan yang dilahirkan oleh kegiatan ekonomi hitam perusahaan cetak rompak itu. Bukan saya sahaja, malah birokrat yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal melawan cetak rompak juga tidak dapat

**“ Dalam keadaan yang sedemikian berdirilah Nasir Jani dan Zarul Al Bakri yang menjadi penerbit filem Kembara Seniman Jalanan. Kedua-duanya yang masih muda ketika itu melihat cetak rompak daripada jalur pandangan yang jauh ke depan. Mereka memperlihatkan idealisme anak muda di luar isu-isu sekitar kehidupan mudanya sahaja.**

memberikan statistiknya.

Walaupun begitu daripada pengamatan dan penyelidikan secara peribadi, memang banyak yang menjadi jutawan hasil merompak hak cipta dalam industri muzik dan filem.

Maka apakah lagi pilihan yang boleh dibuat oleh Nasir Jani apabila melihat filemnya dan yang lain-lain juga menjadi mangsa cetak rompak? Nasir Jani tidak ada pilihan melainkan mengambil tindakan sendiri – bangkit dan melawan. Hendak mengharapkan pihak berkuasa? Semuanya macam tidak berkuasa.

Saya ada bersama-sama Nasir Jani ketika dia dan beberapa rakan menyerbu ke kedai menjual pita video cetak rompak filem Kembara Seniman Jalanan di Kompleks Pertama. Bukan sahaja menyerbu tetapi merampas pita video haram itu. Saya fikir tidak ada lagi yang senekad itu bertindak menjaga hasil kerjanya dirompak di depan mata.

Walaupun begitu harga yang perlu dibayar juga tinggi. Saya terkedu melihat sendiri Nasir Jani ditahan oleh polis dan dibawa ke Balai Polis Campbell yang tidak jauh dari Kompleks Pertama.

Nasir Jani memang bersedia berdepan tindakan membelakangkan undang-undang. Akan tetapi undang-undang tidak mampu menyelamatkan hasil karyanya daripada dirompak di depan matanya. Maka dia memilih untuk bangkit sekalipun mempertahankan hak itu satu kesalahan.

Cara Nasir Jani tentulah lebih bermaruah berbanding segelintir penyanyi wanita

yang sanggup mendedahkan badan di majalah dan surat khabar kononya untuk mlariskan jualan album. Bagaimanapun hakikatnya penyanyi wanita menjual maruah, tauke perusahaan cetak rompak yang mengaut untung.

Melalui Kembara Seniman Jalanan, Nasir Jani memberi suatu yang jauh lebih besar berbanding sesuatu yang dia dapat daripada zamannya. Nasir Jani sebenarnya tidak mendapat apa-apa pada zamannya. Sebaliknya melakukan untuk generasi masa depan.

Maka biarlah kalau filemnya dilihat ganas dan liar daripada sudut pandangan pemikiran yang terkepung oleh sistem yang korup. Kembara Seniman Jalanan menjadi tanda sejarah yang penting tentang beberapa perkara terlepas daripada rakaman para sejarawan.

Akhirnya ternyata bahawa dalam keadaan tertentu memberontak dalam karya sahaja belum cukup. Untuk melawan kartel ekonomi hitam itu memaksa Nasir Jani bertindak selangkah ke depan dan memberontak di luar filem.

Banyak yang setuju dengan tindakan itu, tetapi tidak punya kemampuan untuk berbuat demikian. Harga yang perlu dibayar sangat mahal kerana melawan cetak rompak itu ibarat melawan kerajaan.



## TERIMA KASIH MATAHARI

Terima kasih jadikan matahari siang bersinar di langit bumi akur tidak pernah letih tanpa penghargaan dan pujian malah sering dimaki nista dicipta bukan bahan keluhan hangatmu selinap lipatan kulit kerana panas bahangnya matahari suara mengeluh di sawah bendang di belantara kota hutan batu masih teguh mencari rezeki nikmat diberikan oleh-Nya kenapa mesti berpaling arah hidup menyuruh tekun berusaha lunasi tabiat hidup sehari kadang leka ibadatkan kerja tanpa terfikir jika alam gelap-gelita hilang arah kelam sinar mati kehidupan.

RAR RB  
Parit Karang, Tanjung Gading.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Pelan tebatan banjir DBKL berjaya

**T**AHNIAH kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana berjaya mengurangkan risiko banjir hasil usaha melalui Pelan Tindakan Tebatan Banjir (PTTB) Kuala Lumpur 2022.

Pelan ini merangkumi usaha jangka pendek, sederhana dan panjang DBKL menyelesaikan masalah banjir yang kerap melanda ibu kota, terutama ketika hujan lebat sehingga menyusahkan warga kota.

Dengan kedatangan musim tengkujuh lantaran monsun timur laut akhir tahun, yang dijangka menyebabkan hujan lebat dan ancaman banjir, pelan perancangan DBKL sangat tepat bagi mengurangkan kesan monsun berkenaan.

Seperti dilaporkan *Wilayahku*, usaha gigih DBKL membuatkan hasil sangat menggalakkan apabila kawasan panas atau *hot spot* banjir berkang dengan banyak. Daripada 25 kawasan yang dicatatkan pada Mei lalu, kini hanya tinggal tiga.

Bagi Adi, ini satu kejayaan membanggakan walau pun ada pihak yang memandang sinis usaha DBKL, malah ada yang mengancam mengambil tindakan undang-undang jika masalah banjir tidak diatasi.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam responsnya menegaskan, sesiapa yang ingin penjelasan mengenai rancangan penebatan atau mengatasi masalah banjir, beliau sedia memberi penjelasan.

Namun jika tetap mahu menyaman DBKL, itu adalah hak mereka. Bagi DBKL, ia akan tetap terus melaksanakan tanggungjawab mengekang banjir. Jika pun tidak dapat diatasi sepenuhnya waktu ini, sekurang-kurangnya risiko dapat diminimumkan.

Kerana itulah dalam usaha mengatasi banjir ini, DBKL meletakkan sasaran jangka masa pendek, sederhana dan jangka panjang. Setiap satu tahap ada sasarannya dan ia dilaksanakan secara sistematis menurut keperluan semasa.

Jangka pendek lebih bersifat menyelesaikan masalah secara pantas dan segera serta bersifat sementara. Misalnya dengan meletakkan benteng pasir di kawasan yang sering dilanda banjir.

Benteng pasir ini akan diganti dengan benteng konkrit kelak. Langkah ini dikira sebagai peringkat sederhana di mana pelan lebih komprehensif dilaksana bagi menambah baik apa yang dilakukan pada peringkat jangka pendek.



**BANJIR** berlaku apabila kolam takungan tidak dapat menampung isi padu atau volume air yang banyak.

Akhirnya hasil jangka pendek dan sederhana ini terus ditambah baik dan dijadikan panduan dalam pelan penyelesaian jangka panjang. Pelan jangka panjang diharap mampu mengatasi banjir di ibu kota keseluruhannya.

Bagi Adi, warga kota khususnya mesti memahami masalah banjir atau banjir kilat, adalah isu lama yang memerlukan pelan penyelesaian berperingkat. Ia tidak dapat diatasi serta-merta sekali gus kerana puncanya juga pelbagai, memerlukan pemantauan dan penelitian dari semasa ke semasa.

Hujan lebat berterusan dikenal pasti antara punca utama. Justeru perlu diteliti dan dikaji kenapa setiap kali hujan lebat keberangkalian berlaku banjir sangat tinggi.

Ini ada hubung kait dengan sistem saliran yang tidak efisien. Air yang bertakung tidak dapat mengalir dengan baik atau gagal diserap bumi dengan cepat. Keadaan ini berlaku jika longkang

tersumbat atau laluan air terhalang menyebabkan ia bertakung untuk tempoh lama.

Bagaimana longkang tersumbat dan laluan air terhalang? Tentunya kerana sikap tidak bertanggungjawab tangan manusia yang mencampakkan bahan buangan ke dalam longkang atau laluan air sesuka hati. Atau longkang jarang dibersihkan.

Juga sikap segelintir pemaju yang membuat bahan binaan di mana suka daripada mengangutnya ke tempat buangan khas. Lantaran sikap segelintir pemaju tidak senonoh ini, risikonya terhadap sistem saliran sangat tinggi.

Banjir juga berlaku apabila kolam takungan tidak dapat menampung isi padu atau volume air yang banyak. Senang cakap, air banyak tetapi wadah untuk menampungnya tidak cukup luas. Jumlah yang ada di Kuala Lumpur tidak mencukupi.

Adi percaya isu ini dalam makluman DBKL. Untuk itu jumlah kolam takungan

## SKETSA



**“Warga kota seharusnya berterima kasih kepada DBKL dan kakitangannya yang berkorban masa dan tenaga agar penduduk tidak terbelenggu dengan banjir. Hasil membanggakan yang telah dicapai sehingga sangat melegakan menambah semangat untuk DBKL terus bekerja keras.”**

perlu ditambah atau diperluas. Juga DBKL perlu memastikan kawasan yang sudah diwartakan sebagai kolam takungan tidak sekali-kali diubah menjadi kawasan pembangunan lain.

Sehubungan itu, Adi menyambut baik tindakan proaktif DBKL untuk melaksanakan pembinaan kolam takungan bawah tanah seperti di Tokyo, Jepun. Perjanjian ke arah projek ini telah pun ditandatangani dengan pihak berkuasa Jepun.

Ini bermakna projek berkenaan bakal dilaksanakan di ibu negara. Pada perkiraan Adi, ini antara pelan jangka panjang yang efektif mengatasi banjir Kuala Lumpur. Projek besar ini tentu akan mengambil masa. Sementara itu, pelan jangka pendek dan sederhana akan dijadikan sandaran dan terus ditambah baik.

Takungan bawah tanah akan membolehkan kolam yang lebih luas dan dalam digali. Dengan itu ia mampu menyerap dan mengumpul lebih banyak air yang bertakung di permukaan, meminimumkan masalah banjir di ibu kota.

Apa yang telah dicapai sehingga ini memberi harapan cerah kepada usaha tebatan banjir di Kuala Lumpur. Memetik Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk TPr Sulaiman Mohamed, pengurangan kawasan panas daripada 25 kepada tiga membuktikan usaha yang dilakukan berjaya mengurangkan kesan banjir yang sentiasa menjadi igauan warga kota.

Selain melaksanakan 14 langkah sementara, DBKL juga menempatkan skuad khas di lokasi panas di kawasan tertentu. Petugas di lokasi menjadi pemantau serta memberi laporan segera jika berlaku banjir kilat agar tindakan pantas dapat diambil. Skuad khas ini juga dilengkapi pam air untuk kegunaan segera menyedut air.

Bagi memastikan kebersihan kawasan yang terlibat dengan banjir, DBKL juga menggerakkan sukarelawan DBKL menerusi Program Cuci KL. Tugas utama

sukarelawan ialah membersih dan mengutip sampah di kawasan *hot spot*, termasuk membersihkan longkang agar aliran air tidak terhalang.

Warga kota seharusnya berterima kasih kepada DBKL dan kakitangannya yang berkorban masa dan tenaga agar penduduk tidak terbelenggu dengan banjir. Hasil membanggakan yang telah dicapai sehingga sangat melegakan menambah semangat untuk DBKL terus bekerja keras.

Untuk rekod, DBKL merekodkan sehingga 171 kawasan panas banjir pada 2016. Melalui kerja-kerja dan perancangan bersistematik setiap tahun, serta kajian punca berlaku banjir kilat, jumlah kawasan panas menurun kepada 25 pada 2021.

Jumlah tersebut kini menurun kepada hanya tiga sahaja. Nyata banyak kawasan panas sebelum ini berjaya ‘disejukkan’. Segala rintangan dilalui dengan jaya walaupun setiap kawasan panas mempunyai pelbagai masalah berlainan, misalnya longkang tersumbat, saliran rosak dan kawasan rendah.

Di samping mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada DBKL, Adi berharap warga kota turut membantu usaha mengekang banjir menurut kemampuan masing-masing.

Satu cara mudah ialah jaga kebersihan, jangan buang sampah merata-rata sehingga laluan air sumbat. Jadilah warga kota yang mempunyai nilai sivik tinggi. Jika mahu kemudahan keselesaan kelas pertama, minda warga kota juga mesti bertaraf kelas pertama.

**Adi—Banjir main rakit**

*Adi Taib*

## SAJAK

### PULANGLAH

Ditikam pingit desibel melangit mata dibutakan warna asap cerah berbanding udara tanah menjadi kubur tertanam beribu sis benih-benih hilang selera dan air kian hilang ditelan toksik jalang

Pulanglah ke pelukan alam kau akan sembah dan tenang seperti dalam rahim ibu yang kaurindu

**A.Affendi @ Lekir Puchong**

Fokus realisasi impian pelajar ke universiti

# Perkasakan Skim Bantuan Awal IPT

HAZIRAH HALIM

**F**AKTOR kewangan memainkan peranan penting bagi seseorang pelajar yang ingin melangkah ke alam universiti lebih-lebih lagi dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40). Malah, ada yang terpaksa melupakan hasrat kerana kekangan yang dihadapi.

Menyedari peri pentingnya dalam memastikan anak-anak B40 di Wilayah Persekutuan tidak berdepan dengan perkara tersebut, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) akan terus memperkasakan Skim Bantuan Awal IPT kepada mereka yang layak.

Ketua Pegawai Esekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata ia merupakan komitmen penting untuk terus membantu pelajar melanjutkan pengajian ke universiti dalam peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran Falsafah (PhD).

“Hasil maklumat dan pemerhatian

yang telah daripada dikenal pasti, kebanyakan pelajar menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran ke universiti kerana faktor kewangan misalnya tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membayai kos pengajian.

“Faktor ini menyebabkan mereka merasakan tidak layak lalu melepaskan peluang tersebut begitu sahaja. Jadi, ini adalah salah satu sebab mengapa kami mahu memperkasakan bantuan tersebut,” ujar beliau.

Tambah beliau, YWP mendapat banyak respons positif daripada ibu bapa yang berterima kasih kerana meringankan perbelanjaan mereka dari segi persiapan anak-anak yang ingin melangkah ke universiti.

“Saya berharap lebih ramai pelajar yang bakal melanjutkan pengajian di IPT terutama mereka yang datang daripada keluarga berpendapatan RM1,000 ke bawah mengambil peluang mendapatkan bantuan *one-off* ini,” ujar beliau.

Jelas beliau lagi, bagi pelajar



ZAIZALNIZAM (kiri) bersama Pengurus Kanan PESAT YWP, Zahrulail Abdul Rahman (tengah) menyerahkan Cek Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP kepada salah seorang pelajar di Bilik Mesyuarat, Wisma YWP, pada Khamis.

yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai cara permohonan, muat turun borang dan mengetahui syarat kelayakan, boleh melayari laman sesawang YWP iaitu [www.yayasanwp.org](http://www.yayasanwp.org).

Terdahulu, beliau menyerahkan cek Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP kepada 59 pelajar bagi tahun

2019 hingga 2021 di Wisma YWP yang merupakan serahan terakhir sebelum tersebut dihentikan.

“Ini merupakan pelajar-pelajar terakhir yang menerima skim biasiswa ini sebelum ia dihentikan atas keputusan bersama ahli lembaga pengarah yang mahu kami fokus kepada Skim Bantuan Awal IPT.

<b>Info ADUAN</b> <b>DBKL</b> Tel : 03-2617 9000  <b>Perbadanan Putrajaya</b> Tel : 03-8887 7000 Aduan : 03-8887 3000  <b>Perbadanan Labuan</b> Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852  <b>Wilayahku</b> WhatsApp  : 011-5958 7489
---

“Jumlah tersebut merangkumi seorang penerima bagi tahun 2018; 19 penerima bagi tahun 2019; 18 penerima pula pada tahun 2020 dan 21 penerima bagi tahun 2021,” ujar beliau menjelaskan YWP akan meneruskan tanggungjawab memastikan pelajar mampu masuk ke IPT. **WK**

## YWP mahu teroka bidang pertanian, penternakan

DEEL ANJER

**DALAM era kemelesetan ekonomi yang sedang melanda negara, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tidak mahu ‘mengalah’ malah terus berusaha mencari peruntukan demi membantu rakyat.**

Untuk itu, YWP tidak mudah selesa ber-gantung kepada sumber pendapatan yang ada kerana perlu bersedia dengan segala cabaran yang mendatang.

Demi rakyat, YWP kini mengintai pelbagai peluang baharu termasuklah merancang mahu mengusahakan tanah bagi tujuan pertanian dan penternakan.

Pengurusan Kewangan dan Perolehan YWP, **Aslinda Kamadi**, 54, berkata bidang pertanian dan penternakan antara projek yang boleh memberi semula kepada rakyat.

“Dalam keadaan ekonomi meleset, kita perlu kembangkan sumber pendapatan. Di mana kita tidak boleh bergantung kepada pendapatan sedia ada sebaliknya perlu mencuba bidang lain.

“Saya melihat bidang pertanian dan penternakan adalah peluang yang boleh menjana pendapatan. Tambahan pula, negara kita sendiri pun masih kekurangan bekalan makanan. Mungkin kita boleh beli tanah dan usahakan sekali gus mengembangkan sumber pendapatan. Daripada situ kita boleh terus membantu masyarakat.

“Begitu juga dengan ternakan. Kita boleh hasilkan sendiri sumber bekalan daging, susu dan telur,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Antara bidang tugas Aslinda adalah memantau aliran kewangan syarikat, menyediakan laporan audit, mengurus akaun pentadbiran anak-anak syarikat dan banyak lagi.

“YWP mengutamakan kepentingan masyarakat. Jadi, sudah tentu banyak perbelanjaan dikhaskan untuk pelbagai program bermanfaat. Misalnya peruntukan kewangan untuk program miskin bandar, bantuan pendidikan, sumbangan makanan atau keperluan harian, bantuan banjir dan sebagainya,” ujarnya. **WK**



ASLINDA bertanggungjawab memantau aliran kewangan YWP.

### Yayasan Wilayah Persekutuan

**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

**Hubungi:** 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**E-mel:** [info@yayasanwp.org.my](mailto:info@yayasanwp.org.my)

**Laman sesawang:** [www.yayasanwp.org.my](http://www.yayasanwp.org.my)

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (*Wilayahku*)

**Laman sosial YWP:** Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: [yayasanwp](#)

## WINS bantu wanita teroka bidang keusahawanan

**WANITA** hari ini kian bergerak maju dan boleh dibanggakan apabila kebanyakannya sudah mampu berdiri di atas kaki sendiri. Malah, penglibatan wanita seperti ibu tunggal dan suri rumah dalam bidang keusahawanan semakin meningkat dan terbukti banyak syarikat atau produk terkemuka diterajui oleh usahawan wanita.

Selaras dengan matlamatnya memperkasa peranan wanita menerusi bidang keusahawanan, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Wilayah Persekutuan menganjurkan Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasi (WINS), baru-baru ini.

Menerusi program tersebut, KEMAS memberi latihan dan membuka peluang kepada usahawan wanita terlibat dalam bidang kemahiran selain mengisi beberapa program seperti Bual Bicara, Demostrasi Kemahiran serta Pameran dan Jualan Hasil Produk Usahawan KEMAS.

Pengerusi Badan Bukan Kerajaan (NGO) Setiawangsa CARES, **Datuk Seri Dr Izudin Ishak** berkata ia dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan.

“Saya melihat program ini

begitu besar impaknya iaitu menyasarkan kumpulan sasar yang jelas selain gerak kerja yang dibuat oleh KEMAS juga teratur. Saya melihat dari segala aspek daripada segi sumber kewangan, melahirkan usahawan dan tenaga pengajar.

“Peranan yang dimainkan KEMAS begitu penting buat masyarakat dan menerusi khidmatnya juga kita boleh membuka mana-mana peluang kepada usahawan wanita untuk menjana pendapatan tetap mahupun sampingan bagi membantu keluarga,” jelas beliau selepas merasmikan majlis penutup WINS dan Festival Kesenian KEMAS



IZUDIN (kanan) meluangkan masa mewarna ukiran batik di salah satu booth usahawan semasa Majlis Perasmian Penutupan program tersebut.

Wilayah Persekutuan 2022 di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, beliau juga bangga

dan berterima kasih kepada KEMAS di atas penganjuran program dan berharap ia dapat diadakan lagi pada masa hadapan. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

# RondaKota

21 - 27 OKTOBER 2022 . Bil 187

Wilayah Ku



## Musolla Bergerak permudah ibadah


JIKA berkunjung ke program-program besar di sekitar ibu negara, apa yang menjadi permasalahan umat Islam adalah kesukaran untuk mendapatkan surau bagi menunaikan solat fardu.

Ini kerana kebiasaan surau yang ada berada agak jauh dari lokasi program ataupun jika ada di kawasan tersebut, ia pasti sesak dengan pengunjung sekali gus

memaksa mereka keluar dari kawasan tersebut untuk mencari lokasi bagi menunaikan solat.

Andai dilihat dari sudut jangka masa panjang, tidak mustahil kekangan ini akan menyebabkan sebarang program yang dianjurkan pada masa akan datang sunyi daripada kunjungan orang ramai.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



**Musolla Bergerak DBKL selesa dan praktikal**

# Mudahkan umat Islam tunai solat



DATUK Seri Mahadi Che Ngah (kanan) ketika menghadiri Majlis Perasmian Musolla Bergerak di Dataran DBKL.



FOTO: AMIN FARU HASAN  
AINI MAWAWI

## DARI MUKA 9

PRIHATIN dengan masalah serta rintihan orang ramai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini memperkenalkan produk baharu iaitu Musolla Bergerak, ruang solat mudah alih di pelbagai program DBKL.

Menariknya, ruang solat ini diparkir di kawasan tumpuan orang ramai seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) yang ditutup kepada kenderaan dari persimpangan Jalan Esfahan ke persimpangan Jalan Melayu pada setiap Ahad.

Penutupan yang dilaksanakan pada setiap hari Ahad dari pukul 6 pagi hingga 12 malam itu dalam masa yang sama dimeriahkan dengan pelbagai program antaranya persembahan muzik jalanan (*buskers*), persembahan seni kreatif, seni kraf tangan.

Situasi tersebut juga menyebabkan lokasi tersebut menjadi tumpuan orang ramai yang ingin menghabiskan masa hujung minggu dengan bersiar-siar di sekitar Kuala Lumpur sekali gus menerima kedatangan pengunjung yang tinggi.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, Musolla Bergerak bertujuan memudahkan orang ramai

menunaikan solat sewaktu program luaran DBKL atau program *ad-hoc* seperti maraton, Hari Kemerdekaan dan sebagainya.

"Kini orang ramai lebih mudah untuk menunaikan rukun Islam ketiga itu berikutan inisiatif Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrik (JKME) DBKL mengubah suai bekas pejabat bergerak untuk dijadikan ruang solat.

"JKME menggunakan kontraktor panel untuk kerja-kerja ubah suai dan mengambil masa selama tujuh minggu untuk disiapkan



MAHADI

yang mana kos ubah suai ini menelan belanja sebanyak RM193,000," ujar beliau.

Kemudahan baru yang disediakan oleh DBKL ini mempunyai tangki berkapasiti 900 liter yang mana ia dianggarkan boleh menampung wuduk seramai 600 orang (bersamaan 1.5 liter setiap orang).

"Sekiranya air tangki habis, air akan diambil dari punca yang dikenal pasti dan jika tiada punca terdekat, JKME akan menyediakan lori tangki air bagi memastikan Musolla Bergerak berfungsi seperti biasa," kata beliau menjelaskan tempoh masa 30 minit diperlukan bagi persediaan awal.

Selain itu, operator Musolla Bergerak menggunakan dua orang pemandu yang akan melakukan kerja susun atur awalan (penentuan kiblat, sejadian, punca air, *motorized awning*). **WK**



## REAKSI

**“**INI kali pertama saya tahu tentang surau bergerak dan ia merupakan satu langkah yang baik memandangkan sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman agak sukar untuk mencari surau ketika waktu solat.

"Biasanya saya akan menggunakan surau di dalam pusat beli-belah untuk menunaikan solat. Namun apabila pengunjung ramai terutama hujung minggu, surau pastinya penuh lebih-lebih lagi apabila tiba waktu solat yang pendek seperti Maghrib."

**IRDINA SYAHIRAH HAMDAN, 20**  
Pelajar



IRDINA



DEWI



IDAYU

**“**SURAU merupakan kemudahan yang perlu disediakan terutama di kawasan tumpuan pengunjung kerana mereka biasanya akan bertanya di mana surau berhampiran dan kami terpaksa mencadangkan pusat beli-belah berhampiran.

"Diharapkan Surau Bergerak DBKL ini dapat ditambah lagi bilangannya bagi memudahkan pengunjung yang datang untuk menunaikan ibadah solat."

**DEWI SARIMANTO, 33**  
Peniaga

**“**SURAU bergerak merupakan satu langkah proaktif pihak DBKL dan antara penambahbaikan yang perlu dititikberatkan adalah penyediaan kemudahan seperti teleung, sejadian serta kerusi solat.

"Adalah lebih baik sekiranya pihak DBKL menyediakan papan tanda arah bagi memudahkan orang mencari surau tersebut."

**IDAYU LATIFF, 23**  
Pelajar



**JOM CUTI-CUTI  
MALAYSIA  
2022**

# TRAVEL FAIR

21-23  
Oktober  
2022

10.00 pagi -  
10.00 malam

MyTOWN Shopping Centre,  
Kuala Lumpur

## JUMPA ANDA DISANA!

Rakan Kerjasama:





**MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar menjadi tetamu kehormat dan pemerhati Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) yang diwakili Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud bersama PETRONAS Global Technical Solutions Sdn Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Annaliz Abu Bakar.**



**KETUA Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar menerima Kunjungan Hormat dari Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia yang diwakili oleh Setiausaha Agung bersama Jawatankuasa Agung (Wilayah Persekutuan) di Menara Seri Wilayah, Putrajaya pada Isnin lalu.**



**HAMPIR 200 peserta menyertai Kejohanan Seni Mempertahankan Diri PPj 2022 menerusi acara silat, muay thai dan taekwondo yang berlangsung selama dua hari di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Putrajaya. Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud turut hadir menyaksikan pertandingan dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.**



# Penyanyi popular aktif seks rambang



DEEL ANJER

**M**ENURUT seorang teman Wilayahku, dia terkejut apabila dapat tahu kisah seorang penyanyi lelaki remaja popular yang suka melakukan seks rambang walaupun belum bernikah.

Sebelum ini pun, pernah rakan artis wanita memerli penyanyi remaja kegilaan ramai gadis ini yang

gemar bersosial dan melakukan seks.

Baru-baru ini, teman Wilayahku mendapat kiriman foto penyanyi lelaki itu bergambar mesra dengan seorang wanita yang dipercayai baru dinikahiinya. Wanita itu bukanlah artis atau selebriti media sosial.

Namun, apa yang membuatkan Wilayahku terkejut apabila mendapat tahu mereka berkahwin kerana terlanjur dan isterinya hamil sebelum nikah. Apa-apa pun, Wilayahku harap

penyanyi lelaki yang gemar berfesyen ini menginsafi perbuatan maksiat sebelum ini dan mulakan kehidupan baru sebagai seorang suami.

Jangan ulangi lagi tabiat seks rambang tu, tambahan pula sekarang sudah berstatus suami orang. Bertaubatlah sebelum terlambat.



**WILAYAHKU:** Banyak betul tular kisah seks dalam kalangan artis sejak kebelakangan ini. Pening kejap! **W.K.**

Gambar hiasan.

## Daqmie satukan empat kumpulan nasyid terkenal dalam Sahabat Selamanya

**KOMPOSER** dan penyanyi berbakat besar, Daqmie buat julung kalinya melancarkan album sahabat selamanya yang menyatukan empat nama besar kumpulan nasyid terkenal tanah air iaitu Rabbani, Hijjaz, Inteam dan Mestica.

Album yang mengandungi 10 buah lagu itu merupakan keluaran syarikat milik Daqmie sepenuhnya dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai pengkaji dan peneliti perkembangan industri muzik nasyid di Malaysia.

Daqmie atau nama sebenarnya Azmee Abdul Manap menjelaskan idea untuk menghimpunkan sahabat-sahabat nasyid itu adalah untuk menarik kembali minat pendengar irama

nasyid tempatan selain sebagai penghargaan kepada kumpulan tersebut.

"Lagu-lagu tersebut adalah simbolik penghargaan serta hadiah kepada sahabat-sahabat sepanjang pengenalan kami. Tiada kos yang perlu sahabat nasyid keluarkan, hanya kesudian," katanya di Majlis Pelancaran Album Sahabat Selamanya di kompleks Finas, Ulu Kelang, baru-baru ini.

Apa yang istimewa, album Sahabat Selamanya ini memuatkan empat buah lagu popular asal setiap kumpulan yang diberikan nafas baharu dengan Daqmie berduet bersama mereka untuk setiap lagu.

Antara lagu tersebut Pergi

Tak Kembali, Fatamorgana, Kasih kekasih dan Layar Keinsafan.

Manakala enam lagu baharu yang telah mendapat sentuhan komposer serta penulis lirik terkemuka tanah air antaranya Datuk Habsah Hassan, Alfa Booty, Tam Spider, Aidit Alifian, Baiduri, Halim Ahmad, Keon, Isman Isam, Ito Lara serta Atie.

Album sahabat selamanya sudah menemui peminat di seluruh platform digital bermula 9 Oktober lalu sempena Sambutan Maulidur Rasul.

**WILAYAHKU:** Selepas ini, mungkin Daqmie boleh rakam semula lagu Keluarga Bahagia nyanyian asal kumpulan Saujana.



DAQMIE (enam dari kiri, belakang) ketika pelancaran album Sahabat Selamanya.

## Siti Nurhaliza tiada tandingan

**TULAR** baru-baru ini di halaman TikTok tentang kenyataan juri-juri tetap tentang mengapa penyanyi nombor satu Malaysia, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** tidak memasuki program hiburan Gegar Vaganza. Antaranya, Datuk Ramli MS



atau lebih mesra dipanggil Tokram menganggap Siti mempunyai bakat yang amat besar.

Menurut beliau, Siti dikurniakan bakat yang luar biasa lebih daripada penyanyi-penanyi lain di Malaysia.

Tambah beliau lagi, Siti seorang yang cekal dan semangatnya itu sungguh besar apabila berdepan dengan apa jua keadaan.

Menurut satu lagi juri tetap, Hetty Koes Endang, setakat ini belum ada lagi pengganti Siti Nurhaliza dalam industri hiburan.

"Bukan muahu memuji terlalu melangit, tetapi satu hakikat yang tak boleh diubah. Siti Nurhaliza sampai saat ini antara penyanyi terbaik dari Malaysia.

"Belum ada pengantinya lagi. Dia memiliki pakej lengkap, daripada aspek vokal, cantik dan sangat bersahaja," ujar Hetty.

**WILAYAHKU:** Ramai juga yang cakap suara Wilayahku ada iras suara Siti. Betul ke? Hehe...

## Cinta tak kesampaian Syahmi Irfan

**SETELAH hampir dua tahun tidak mengeluarkan sebarang lagu, akhirnya penyanyi Syahmi Irfan, 21, berbangga apabila lagu Lagi-Lagi Sayang ciptaannya sendiri telah dilancarkan.**

"Memang pada dasarnya saya amat gementar menantikan maklum balas daripada peminat memandangkan lagu ini diciptakan sendiri oleh saya.

"Namun dari satu segi, saya gembira apabila lagu ini mendapat persetujuan pihak pengurusan untuk merakamkannya.

"Sudah tentu saya gembira dan berharap Lagi-Lagi Sayang akan mendapat sambutan baik daripada semua seterusnya membawa nama Syahmi Irfan untuk lebih dikenali dalam industri hiburan tanah air," kata anak kelahiran Shah Alam, Selangor ini lagi.

Sebagai orang baharu dalam industri, Syahmi muahu menggunakan sepenuhnya peluang yang ada untuk menyerlahkan lagi potensi diri untuk menjadi artis serba boleh.



"Kebanyakan penyanyi baharu yang muncul semuanya datang dengan potensi yang pelbagai dan saya juga perlu ada 'sesuatu' untuk lebih dikenali ramai."

"Sebab itu saya perlu berusaha keras untuk ke hadapan," katanya yang popular dengan lagu Mungkir sebelum ini.

Bercerita mengenai Lagi-Lagi Sayang terbitan Indigital Music ini, dia sudah merakamkan lagu ini pada Mac yang lalu manakala lirik video pula telah disiapkan tiga bulan selepas itu.

Mendapat sentuhan Rudy Nastia selaku penerbit rakaman, lagu ciptaan Syahmi dan lirik hasil nukilan Syahmi dan SMSM itu berkisahkan tentang sebuah perhubungan yang tidak kesampaian namun pada akhirnya masing-masing perlu bahagia tanpa sengketa.

**WILAYAHKU:** Cinta sejati adalah cinta kepada Sang Pencipta.

# Winnie 'kilang emas' sukan olahraga WiPers



SABRINA SABRE

**P**ELARI pecut negara, Eng May Xin Winnie, 23, merupakan antara atlet pelapis yang sedang menyinar dan dalam masa yang sama turut menjadi lubuk emas dalam sukan olahraga Malaysia.

Kejayaan demi kejayaan yang diperoleh antaranya tiga pingat emas pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 bagi acara 100 meter (m) lari berpagar, 4x400m dan heptalon September lalu jelas membuktikan kehebatannya dalam acara tersebut.

Memasang impian untuk beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti, atlet Wilayah Persekutuan ini menjadikan atlet trek dan balapan British, Jessica Ennis sebagai idola. Baginya untuk sampai ke tahap itu, dia perlu bekerja keras selain memberi komitmen yang tinggi.

"Mungkin saya akan mengambil masa dalam beberapa tahun untuk melayakkan diri ke Olimpik namun ia berbaloi memandangkan ini adalah jalan yang saya pilih dan banggakan," ujarnya berazam mengharumkan nama negara pada masa hadapan.

Dia yang mula aktif dalam sukan olahraga sejak berumur lapan tahun lagi mengakui disiplin yang ketat perlu untuk memastikan dirinya sentiasa berjaya dalam apa jua kejohanan yang disertai.

"Disiplin adalah asas utama kepada kejayaan seseorang. Biasanya saya akan bangun awal pada setiap hari untuk kekal aktif dan bersemangat menjalani aktiviti harian. Sesi latihan yang dijalankan pula adalah sebanyak enam hari seminggu."

"Berlatih di padang serta melakukan senaman fizikal adalah wajib dan saya tidak kisah menghabiskan masa dan tenaga ke arah itu. Selain itu, ketahanan mental juga memainkan peranan yang penting," ujarnya yang sentiasa fokus sebelum beraksi.

Memecahkan rekod peribadinya di SUKMA XX dengan kutipan mata sebanyak 4,913, Winnie berterima kasih kepada jurulatih, Hisham Mustaza yang mengajarnya dari



WINNIE menghadiahkan emas menerusi acara 100m/heptalon dalam Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di Terengganu pada 2016.



kecil hingga berjaya bergelar pelari pecut.

"Tanpa tunjuk ajar daripada beliau, tidak mungkin saya akan berada di tahap seperti sekarang. Selain itu, keluarga juga memainkan peranan penting sebagai tulang belakang yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan selama ini."

"Saya merupakan satu-satunya ahli keluarga yang terlibat dalam sukan. Oleh sebab itu, hampir di setiap kejohanan keluarga sanggup datang untuk menyaksikan perlawanan termasuk SUKMA XX baru-baru ini," kongsinya.

Di samping itu, pelajar jurusan Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM) ini juga sentiasa berusaha meningkatkan prestasi serta memperbaharui rekod peribadi ke tahap yang lebih optimum.

"Disebabkan itu, saya mementingkan latihan secara konsisten. Saya yakin dengan latihan, kerja keras dan fokus, saya akan berjaya," ujarnya yang mencatat catatan masa terbaik peribadi iaitu 14.55 saat dalam acara 100m lari berpagar pada SUKMA lalu.

Biarpun sebatik dalam sukan olahraga sejak zaman persekolahan lagi, namun anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik ini enggan mempertaruhkan masa hadapan demi sukan semata-mata.

"Saya juga menumpukan sepenuh perhatian terhadap bidang pengajian. Saya pasti tahap kecergasan bakal menurun dan tidak lagi selincih ketika zaman remaja. Jadi saya juga mengimpikan kerjaya yang sesuai," ujarnya yang bercita-cita untuk bergelar seorang guru.

## JAGA MAKAN, LEBIHKAH PROTEIN

MENGENGHAM impian bergelar pelari pecut yang berkualiti tinggi, Winnie sangat menitikberatkan penjagaan pemakanan untuk mengekalkan stamina yang hebat ketika beraksi di padang.

Katanya, dia melebihkan pengambilan protein, sayur-sayuran serta buah-buahan dalam setiap menu yang diambil.

"Saya betul-betul menjaga pemakanan kerana ia amat penting bagi atlet balapan seperti saya. Jika tidak, ia akan mendatangkan kesulitan seperti semput di tengah padang yang akan mengganggu konsentrasi," ujarnya yang mengurangkan

pengambilan makanan berminyak dan minuman manis.

Terdahulu, Winnie digelar 'Wonder Woman' apabila berjaya membuat pecutan pada 50m terakhir dalam acara 4x400m meninggalkan Sabah di belakang dalam SUKMA XX September lalu.

WK



WINNIE mula aktif dalam sukan olahraga sejak berumur lapan tahun.

# Kejohanan Seni Mempertahankan Diri jadi acara tahunan



DIANA AMIR

**K**EJOHANAN Seni Mempertahankan Diri anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) yang julung kali diadakan bakal dijadikan sebagai acara tahunan ekoran sambutan menggalakkan yang diterima pada pengjurannya baru-baru ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, biarpun ia merupakan kali pertama PPj menganjurkan kejohanan berkaitan seni mempertahankan diri namun ia berjaya mencatatkan penyertaan sehingga 200 peserta.

"Disebabkan itu, kita memutuskan untuk menganjurkannya secara berterusan setiap tahun selain ia merupakan



FADLUN (tengah) bersama pemenang acara sukan muay thai yang diadakan sempena Kejohanan Seni Mempertahankan Diri baru-baru ini.

aktiviti yang sihat buat komuniti Putrajaya," kata beliau sejurus tamat Kejohanan Seni Mempertahankan Diri yang diadakan di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya.

Fadlun berkata antara tujuan kejohanan diadakan adalah bagi mempromosikan seni bela diri kepada masyarakat umum dan komuniti Putrajaya selain mempromosikan fasiliti sukan sedia

ada di Putrajaya.

"Ia juga dapat mencungkil bakat baharu serta memperluaskan jaringan hubungan dan kerjasama di antara PPj, persatuan sukan dan komuniti," ujar beliau menjelaskan ia juga memberi peluang dan ruang kepada anggota penguat kuasa untuk memimba pengalaman berkaitan sukan bela diri.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari bermula 15 Oktober sehingga 16 Oktober 2022 lalu adalah bersempena Hari Penguatkuasa PPj 2022 yang diadakan pada setiap bulan Oktober.

Ia melibatkan tiga seni mempertahankan diri yang popular di Malaysia iaitu silat olahraga, Taekwando dan Muay thai yang mana peserta dibahagikan kepada 60 petinju muay thai, 60 pesilat olahraga dan 80 peserta taekwando dari pelbagai kelab di Putrajaya serta Lembah Klang.

Mengulas tentang kemuncak kejohanan, Fadlun berkata

perlawanan antara 10 jaguh profesional muay thai merebut Piala Presiden PPj diadakan secara one-off mengikut format Mix Match International Federation Muaythai Association (IFMA) manakala kejohanan silat olahraga dan taekwando pula dipertandingkan mengikut format carta persatuan masing-masing.

Dalam perkembangan lain, Fadlun turut memaklumkan PPj telah bersedia bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang akan diadakan dalam tempoh terdekat.

"Kita telah bersedia dari segi semua dewan yang akan digunakan termasuk dewan mengundi dan ketika ini hanya menunggu pengumuman daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)," ujar beliau menyatakan cuti kakitangan akan diselaraskan agar mempunyai kakitangan yang mencukupi sepanjang pilhan raya kelak. **W.K.**

## Kediaman tradisional India, baucar menanti pengunjung Alamanda

**BERSEMPENA perayaan Deepavali yang bakal disambut pada 24 Oktober ini, Kumpulan Syarikat Suria KLCC yang terdiri daripada Suria KLCC, Alamanda dan Mesra Mall bakal menyambutnya dengan dekorasi menarik di setiap pusat beli-belah tersebut selain menawarkan pelbagai ganjaran menarik kepada pengunjung.**

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Suria KLCC, **Andrew Brian**, pengunjung pusat beli-belah Alamanda, Putrajaya akan melihat sebuah kediaman yang dihiasi hiasan tradisional masyarakat India berwarna-warni bermula dari 8 Oktober sehingga 24 Oktober 2022.

"Bersempena sambutan perayaan Deepavali, kediaman tersebut turut dihias dengan hiasan Rangoli yang diterangi dengan Diyas bagi menyambut kedatangan pengunjung ke Alamanda," ujarnya.

Bagi 125 pelanggan yang berbelanja RM1,500 ke atas mereka berpeluang untuk menyertai

*High Spender Rewards* dan bakal berpeluang mendapatkan sepasang balang rempah-ratus selain baucar Alamanda bernilai RM50.

Sementara itu, Suria KLCC pula menyambut perayaan Deepavali selama 17 hari bermula dari 14 sehingga 30 Oktober dengan hiasan taman yang mewah dan megah.

"Para pengunjung akan dirai dengan prop burung merak serta gazebo tradisional masyarakat India bertakhtakan kepelbagai bunga yang indah dengan iriganan muzik Deepavali dan kolam bersaiz 20 kaki dihiasi pencahayaan bergerak yang dipertontonkan di tengah hiasan taman tersebut bagi mencerminkan keindahan suasana pesta cahaya ini."

"Pengunjung juga boleh

merasai pengalaman istimewa melalui ciri-ciri hiasan unik seperti lampu pelbagai warna yang akan bertukar warna apabila pengunjung menyentuh sensor," ujarnya para pembeli juga akan dihiburkan dengan tarian tradisional kaum India yang akan berlangsung di Centre Court pada hujung minggu.

Ujarnya lagi, pelanggan yang berbelanja RM600 ke atas melalui dua resit dari mana-mana kedai terpilih akan menerima e-Baucar Beli-Belah Suria KLCC bernilai RM50 yang juga merupakan sebahagian daripada *Shoppers Reward Programme*.

Tambahnya lagi, melihat fasa pergerakan kawalan yang telah sepenuhnya ditamatkan serta kadar peningkatan ekonomi yang semakin memberangsangkan, sambutan Deepavali yang disambut oleh pengikut Hindu di Malaysia untuk tahun ini kelihatan lebih ceria dan berwarna-warni.

**W.K.**



BAUCAR dan balang rempah-ratus antara yang menanti pengunjung Alamanda sempena perayaan Deepavali.

## PERTANDINGAN LAMANCANTIK PUTRAJAYA 2022

**KATEGORI A**

**RUMAH QUARTERS**

- BANGLO QUARTERS
- KEMBAR QUARTERS
- TERES TEPI QUARTERS (CORNER LOT/END LOT)

**KATEGORI B**

**RUMAH PERSENDIRIAN**

- BANGLO PERSENDIRIAN
- KEMBAR PERSENDIRIAN
- TERES TEPI PERSENDIRIAN (CORNER LOT/END LOT)

**HADIAH SETIAP KATEGORI (SAMA BAGI KATEGORI QUARTERS & PERSENDIRIAN)**

<p><b>TEMPAT PERTAMA</b> <b>RM 1000</b></p> <p>TEMPAT KE-4 RM 600</p>	<p><b>TEMPAT KEDUA</b> <b>RM 800</b></p> <p>TEMPAT KE-5 RM 500</p>	<p><b>TEMPAT KETIGA</b> <b>RM 700</b></p> <p>TEMPAT KE-6 - 10 RM 300</p>
---	--	--

**TEMPOH PERTANDINGAN:**  
**17 OKTOBER - 1 DISEMBER 2022**

**TERBUKA KEPADA KOMUNITI PUTRAJAYA SAHAJA**

**MAKLUMAT LANJUT:**  
**SILA IMBAS QR CODE UNTUK SYARAT-SYARAT & PENDAFTARAN**  
**03-8887 7756**



[putrajayacorp](#) [putrajaya](#) [perbadananputrajaya](#)

KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM)  
sedang melaksanakan **Kajian Luaran Kepuasan Pelanggan  
K-KOMM 2022.**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai kepuasan para pelanggan (luaran) terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian/ Unit di K-KOMM.

Kajian Kepuasan Pelanggan K-KOMM di pautan



[https://www.surveymonkey.com/r/  
KajianKepuasanPelangganK-KOMM2022](https://www.surveymonkey.com/r/KajianKepuasanPelangganK-KOMM2022)



**1 SEPTEMBER HINGGA 30 NOVEMBER 2022**

# Malaysia tandatangani Final Acts Persidangan Plenipotentiary ITU 2022

TAN SRI ANNUR MUSA

**PERSIDANGAN**  
Plenipotentiary Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU PP22) yang diadakan pada 26 September hingga 14 Oktober 2022 di Bucharest, Romania dan Final Acts Persidangan Plenipotentiary Bucharest 2022 telah berjaya mengumpulkan semua resolusi yang telah diluluskan di ITU PP22 dan ditandatangani oleh 157 negara anggota termasuk Malaysia.

Saya telah mengetuai delegasi Malaysia ke ITU PP22 di Bucharest pada 25 hingga 30 September lalu dan persidangan kali ini juga amat signifikan kepada Malaysia kerana negara kita telah bertanding kerusi Ahli Majlis ITU bagi Zon E (Asia dan Australasia) serta berjaya menduduki tempat kelima teratas daripada 13 kerusi yang dipertandingkan dengan mendapat 147 undi daripada 180 undi. Sebagai Ahli Majlis ITU, Malaysia dapat memainkan peranan berikut:

(i) Mempamerkan kepimpinan negara dalam kesalinghubungan digital dan ekonomi digital melalui perkongsian pandangan dan pendirian dalam mempengaruhi penetapan dasar dan strategi telekomunikasi, internet dan IT global;

(ii) Memelihara kepentingan negara dalam isu-isu global berkaitan kesalinghubungan digital dan keselamatan siber;

(iii) Memastikan tadbir urus ITU adalah berkesan dari aspek kewangan, pentadbiran, sumber manusia dan sebagainya; dan

(iv) Menaikkan imej dan visibiliti negara di peringkat global. Persidangan ini meluluskan Pelan Strategik dan Belanjawan ITU bagi tahun 2024 - 2027 di mana fokus utama strategi empat



PERSIDANGAN ini juga meluluskan Pelan Strategik dan Belanjawan ITU bagi tahun 2024 - 2027

tahun ini adalah dalam sektor komunikasi radio, penetapan piawaian telekomunikasi serta program-program pembangunan untuk memacu transformasi digital global yang inklusif bagi mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjelang tahun 2030.

Seramai 3,000 peserta dari 183 negara anggota yang terdiri daripada para Menteri, Timbalan Menteri, pegawai kerajaan, wakil-wakil daripada organisasi antarabangsa, institusi akademik dan syarikat swasta telah menghadiri ITU PP22 ini.

Antara keputusan penting yang dipersetujui pada ITU PP22 adalah seperti berikut:

(i) Mengaplikasikan teknologi kecerdasan buatan (*Applying artificial intelligence technologies for good*);

(ii) Pembinaan keyakinan dan pembangunan mampan di angkasa lepas (*Confidence-building and sustainable development in outer space*);

(iii) Memperkasa golongan wanita melalui transformasi

digital (*Empowering women and girls through digital transformation*);

(iv) Penguntukan radas menerusi pemasangan radio tentera untuk perkhidmatan pertahanan negara (*Frequency assignments by military radio installations for national defence services*);

(v) Bagaimana teknologi baharu boleh mengurangkan, dan bukannya memburukkan lagi krisis iklim sedunia (*How new technologies can mitigate, rather than exacerbate, the climate crisis*);

(vi) Bagaimana teknologi boleh melindungi daripada wabak global (*How technologies can protect against global pandemics*); dan

(vii) *Internet of Things (IoT)* untuk bandar dan komuniti yang mapan dan pintar (*The Internet of Things (IoT) for smart and sustainable cities and communities*).

Duta Malaysia ke Romania, Tengku Datuk Sirajuzzaman Tengku Mohamed Ariffin telah menandatangani Final Acts tersebut bagi pihak Malaysia. Menerusi Final Acts yang



TAN Sri Annur Musa (kanan) mengetuai delegasi Malaysia ke ITU PP22 di Bucharest baru-baru ini.



PERSIDANGAN Plenipotentiary Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa telah diadakan pada 26 September hingga 14 Oktober 2022 di Bucharest, Romania.

ditandatangani ini, negara anggota ITU telah mencapai kata sepakat mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memastikan teknologi digital mendatangkan manfaat kepada setiap lapisan masyarakat di seluruh dunia.

Harapan Malaysia sebagai Ahli Majlis yang bertanggungjawab

dan komited adalah untuk terus bekerjasama dengan ITU dan rakan-rakan negara anggota untuk misi mewujudkan masyarakat berinformasi selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*), kawal selia jalur lebar serta urusan berkaitan keselamatan rangaian dan perkhidmatan teknologi maklumat serta komunikasi yang menjadi tumpuan pihak kerajaan dan sektor swasta di peringkat antarabangsa.

Keahlian Malaysia di dalam Ahli Majlis ITU ini akan memberi peluang kepada negara secara terus untuk menyuarakan pendapat, pandangan dan berkongsi pengalaman kepada Ahli Majlis ITU, di samping dapat mempelajari kaedah amalan terbaik dalam membantu melonjakkan pelaksanaan sasaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital (MyDIGITAL), Dasar 4IR Negara dan Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan memberikan impak kepada rakyat dan pembangunan sosioekonomi negara.



SERAMAI 3,000 peserta dari 183 negara anggota yang terdiri daripada para Menteri, Timbalan Menteri, pegawai kerajaan, wakil-wakil daripada organisasi antarabangsa, institusi akademik dan syarikat swasta telah menghadiri ITU PP22

# Kerjasama masyarakat dan kerajaan mampu banteras jenayah seksual dalam talian



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**MASYARAKAT** disarankan bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam membanteras jenayah seksual dalam talian terhadap kanak-kanak menerusi Program 'Klik Dengan Bijak' (KDB).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail**, kempen KBD merupakan salah satu inisiatif dalam membantu dan membimbing kanak-kanak dan ibu bapa serta komuniti berhadapan dengan cabaran jenayah siber pada masa ini.

Katanya, eksplorasi seksual secara dalam talian terhadap kanak-kanak dilihat semakin

meningkat terutamanya kesalahan pornografi kanak-kanak yang melibatkan perkongsian dan capaian kepada bahan pornografi kanak-kanak.

"Maklumat daripada PDRM menunjukkan sejumlah 106,764 IP address yang berdaftar di Malaysia telah membuat perkongsian pornografi kanak-kanak semenjak tahun 2017 hingga Ogos 2022.

"Oleh itu, beberapa pendekatan yang diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam usaha meningkatkan rasa tanggungjawab pengguna internet di kalangan rakyat Malaysia adalah menerusi Program 'Klik Dengan Bijak'.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pelancaran Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian Terhadap

Kanak-Kanak 'Klik Dengan Bijak' di Kompleks Ujana Kewangan, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengarah JKM Labuan, Ansharey Matarsad dan Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Wilayah Persekutuan, Alyas Roy Amir.

Sehubungan itu, Rithuan berkata pihak kerajaan amat menggalakkan dan mengalau-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama dengan pihak Kerajaan.

"Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, tenaga, sokongan secara mental mahupun secara spiritual mampu menangani isu penderaan kanak-kanak termasuk membanteras jenayah seksual kanak-kanak di media sosial," katanya lagi. WK



RITHUAN (tiga dari kiri) menyampaikan sijil kepada wakil agensi yang bekerjasama dalam menjayakan Program Kempen Membanteras Seksual Dalam Talian Terhadap Kanak-Kanak di Kompleks Ujana Kewangan, pada Sabtu lalu.



EDWIN (tengah) berjabat tangan bersama Bashir (enam dari kanan) dan Ismaidi (enam dari kiri) dengan 10 syarikat yang menjadi ahli LEMA.

## JBPM lancar buku Manual Kecemasan Labuan

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) terus komited terhadap tugas dan tanggungjawab dalam aspek keselamatan kebakaran menerusi pelancaran buku panduan prosedur 'Labuan Emergency Mutual Aid' (LEMA) ketika berlakunya insiden dikawasan perindustrian di pulau itu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM, **Datuk Edwin Galan Teruki** berkata penerbitan buku itu bertujuan untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi hubungan kerjasama di antara ahli LEMA serta pemain industri minyak dan gas di pulau ini.

"Ia merupakan satu tindakan yang saya kira sangat baik dan efektif kerana dengan adanya buku manual ini dan sekali gus dapat memberi panduan kepada semua ahli terhadap tugas dan tanggungjawab khususnya dalam aspek keselamatan kebakaran juga bantuan ketika berlakunya sebarang insiden atau bencana yang tidak diingini."

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Buku Panduan Prosedur Labuan Emergency Mutual Aid di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan

Negara merangkap Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Bashir Alias dan Pengarah JBPM Labuan, Ismaidi Ismail.

Pada majlis itu, sebanyak 10 buah syarikat telah menandatangi terbitan buku itu sekali gus menjadi sebagai ahli LEMA.

Antara syarikat yang terlibat ialah Megah Port Management; Asian Supply Base Sdn Bhd; Lembaga Pelabuhan Labuan; Petronas Chemical Methanol Sdn Bhd; Petronas Carigali Sdn Bhd; Petronas Dagangan Sdn Bhd; Antara Steel Mills Sdn Bhd; Shell Timur Sdn Bhd; SEA Hibiscus Sdn Bhd dan Sabah Flour & Feed Mill Sdn. WK

## Jabatan Kesihatan Labuan anjur ANMS pupuk gaya hidup sihat

JABATAN Kesihatan Labuan anjur Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat Malaysia, khususnya di pulau ini.

Menurut Pengaruhnya, **Dr Francis Paul**, pengajuran itu adalah bertujuan untuk mempromosikan kempen saringan awal bagi mengesan pelbagai penyakit di peringkat awal.

"Dengan program ini kita berharap lebih ramai lagi golongan sasar membuat saringan awal."

"Kita juga mengharapkan kepada mereka yang telah menjalani saringan awal untuk berkongsi kepada masyarakat lain agar ianya dapat memberi manfaat bersama," katanya kepada pemberita pada Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) peringkat Labuan di sini.



BASHIR (depan) melepaskan burung merpati sebagai simbolik perasmian Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat bagi peringkat Labuan, baru-baru ini.

baru-baru ini.

Program itu telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail dan ketua-ketua jabatan.

Sementara itu, Bashir turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kesihatan Labuan di atas penganjuran program yang bermanfaat kepada masyarakat di Labuan khususnya.

Katanya, dengan program itu diadakan ianya jelas memberi manfaat selain itu dapat menjadikan masyarakat di pulau ini mengamalkan gaya hidup sihat.

"Pelbagai pengisian dan pembudayaan gaya hidup sihat telah diatur dalam program ini dan tentunya dapat mendidik masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat," katanya. WK

**PERADUAN MEWARNA PM187**

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKID: .....

ALAMAT: .....

.....  
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

**CARA MENYERTAI:**

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM187".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **29 OKTOBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 189.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.


BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 185**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM185:

ARMIYEN A/L AMRI  
(8 tahun)  
Presint 11, Putrajaya

AISYAA UMAIRAH ABDUL JALIL  
(11 tahun)  
Sentul, Kuala Lumpur

DANIEL CHIN MAN LEONG  
(7 tahun)  
Cheras, Selangor

**TEKA SILANG KATA SK187****MELINTANG**

1. Tempat menyimpan padi
5. Para
7. Tayangan video ringkas
9. Aib/cela
10. Waktu pagi
11. Simbol kimia Renium
12. Gerak tubuh/gaya bahasa
14. Awalan nama arkitek
15. Senarai panggilan hormat

**KE BAWAH**

1. Wartawan
2. Sejenis makanan
3. Memanaskan semula
4. Cabang matematik berkaitan ukuran
6. Kecerdasan Buatan
7. Simbol kimia Platinum
8. Bilik gerakan
13. Pengumbat ubat bedil meriam

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....  
.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

**CARA MENYERTAI:**

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK187".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **29 OKTOBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 189.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN**BaKaT CiLiK**

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK85:

SITI ROSNANI OMAR  
(39 tahun)  
Sungai Buloh, Selangor

MOHD FADLY ABD RAHMAN  
(51 tahun)  
Wilayah Persekutuan Labuan

AZIYATUL IFAH ALIM  
(42 tahun)  
Presint 16, Putrajaya



## JADUAL PROGRAM TV PENDIDIKAN DI TV OKEY RTM DAN ASTRO TUTOR TV 17 HINGGA 23 OKTOBER 2022.

TV OKEY boleh ditonton secara percuma menerusi saluran 110 MyFreeview TV, menerusi saluran 146 di ASTRO dan ASTRO NJOI dan di <https://myklik.rtm.gov.my>, ASTRO TUTOR TV di saluran 601 dan 603.

Hari Khamis   Tarikh: 20 Oktober 2022					
TV Okey RTM		Astro 601		Astro 603	
Masa	Rancangan	Masa	Rancangan	Masa	Rancangan
9.00 - 9.55 pagi	Sains   Tahun 2 Teknologi  Bahasa Inggeris   Tahun 5 Prepositions	9.00 - 10.00 pagi	Sains   Tahun 1 Asas Binaan  Sains   Tahun 3 Manusia	11.00 pagi - 12.00 tgh	Bahasa Inggeris   Tingkatan 2 Saving The Animal Kingdom  Bahasa Inggeris   Tingkatan 2 The Australian Outback
		10.00 - 11.00 pagi	Sains   Tahun 4 Mesin  Sains   Tahun 6 Mikroorganisma	12.00 - 1.00 ptg	Sains Komputer   Tingkatan 4 Struktur Kawalan Pilihan If-else dan Switch-case  Sains Komputer   Tingkatan 5 Laman Web Mudah Menggunakan Hypertext Markup Language (HTML)
1.00 - 1.55 ptg	Bahasa Inggeris   Tingkatan 3 Describing Photos  Geografi   Tingkatan 6 Sistem Bumi Pergerakan Bumi		Siaran Ulangan		
		2.00 - 3.00 ptg	Sains   Tahun 1 Asas Binaan  Sains   Tahun 3 Manusia	4.00 - 5.00 ptg	Bahasa Inggeris   Tingkatan 2 Saving The Animal Kingdom  Bahasa Inggeris   Tingkatan 2 The Australian Outback
		3.00 - 4.00 ptg	Sains   Tahun 4 Mesin  Sains   Tahun 6 Mikroorganisma	5.00 - 6.00 ptg	Sains Komputer   Tingkatan 4 Struktur Kawalan Pilihan If-else dan Switch-case  Sains Komputer   Tingkatan 5 Laman Web Mudah Menggunakan Hypertext Markup Language (HTML)

Hari Jumaat   Tarikh: 21 Oktober 2022					
TV Okey RTM		Astro 601		Astro 603	
Masa	Rancangan	Masa	Rancangan	Masa	Rancangan
9.00 - 9.55 pagi	Sains   Tahun 3 Ketumpatan  Bahasa Inggeris   Tahun 6 The Simple Past Tense	9.00 - 10.00 pagi	Pendidikan Islam   Tahun 2 Maruah Diri Cermin Peribadi  Pendidikan Islam   Tingkatan 2 Ketaatan Malaikat	9.00 - 10.00 pagi	Pendidikan Islam   Tahun 2 Perkataan Jawi Tiga dan Empat Suku Kata  Pendidikan Islam   Tahun 3 Beriman Kepada Kitab
		10.00 - 11.00 pagi	Pendidikan Moral   Tahun 4 Kasih Sayang - Menyayangi Jiran Kita  Pendidikan Moral   Tahun 5 Hemah Tinggi - Bersopan dalam Tutur Kata dan Tingkah Laku	12.00 - 1.00 ptg	Pendidikan Seni Visual   Tingkatan 4 Alat Kebesaran & Perhiasan Diraja  Pendidikan Islam   Tingkatan 4 Dakwah Pemasu Kemajuan
1.00 - 1.55 ptg	Bahasa Inggeris   Tingkatan 3 Whiting A Postcard  Bahasa Melayu   Tingkatan 6 Pragmatis		Siaran Ulangan		
		2.00 - 3.00 ptg	Pendidikan Islam   Tahun 2 Perkataan Jawi Tiga dan Empat Suku Kata  Pendidikan Islam   Tahun 3 Beriman Kepada Kitab	4.00 - 5.00 ptg	Matematik   Tingkatan 3 Bulatan - Sisi Empat Kitaran, Tangen Kepada Bulatan  Matematik   Tingkatan 3 Bulatan - Sudut Dan Tangen Begi Bulatan
		3.00 - 4.00 ptg	Pendidikan Islam   Tahun 5 Kefahaman Surah Al-Zalzalah  Pendidikan Islam   Tahun 6 Menjauhi Syirik	5.00 - 6.00 ptg	Matematik Tambahan   Tingkatan 4 Aplikasi Nombor Indeks  Matematik Tambahan   Tingkatan 5 Aplikasi Pengamiran

Hari Sabtu   Tarikh: 22 Oktober 2022					
TV Okey RTM		Astro 601		Astro 603	
Masa	Rancangan	Masa	Rancangan	Masa	Rancangan
9.00 - 9.55 pagi	Sains   Tahun 3 Ketumpatan  Bahasa Inggeris   Tahun 6 The Simple Past Tense	9.00 - 10.00 pagi	Pendidikan Moral   Tahun 3 Kerajinan - Rajin Tingga Kejayaan  Pendidikan Moral   Tahun 1 Hemah Tinggi - Bersopan dalam Tutur Kata dan Tingkah Laku	11.00 pagi - 12.00 tgh	Pendidikan Islam   Tingkatan 1 Maruah Diri Cermin Peribadi  Pendidikan Islam   Tingkatan 2 Ketaatan Malaikat
		10.00 - 11.00 pagi	Pendidikan Moral   Tahun 4 Kasih Sayang - Menyayangi Jiran Kita  Pendidikan Moral   Tahun 5 Hemah Tinggi - Mengamalkan Sikap Bersopan dalam Majlis dan Upacara Masyarakat Setempat.	12.00 - 1.00 ptg	Pendidikan Seni Visual   Tingkatan 4 Alat Kebesaran & Perhiasan Diraja  Pendidikan Islam   Tingkatan 4 Dakwah Pemasu Kemajuan
1.00 - 1.55 ptg	Asas Sains Komputer   Tingkatan 1 Pengesanan Ralat yang Terdapat Dalam Pseudokod dan Carta Alir  Geografi   Tingkatan 6 Pembangunan Ekonomi Dan Impak Alam Sekitar Sektor Ekonomi Pertanian		Siaran Ulangan		
		2.00 - 3.00 ptg	Pendidikan Moral   Tahun 3 Kerajinan - Rajin Tingga Kejayaan  Pendidikan Moral   Tahun 1 Hemah Tinggi - Bersopan dalam Tutur Kata dan Tingkah Laku	4.00 - 5.00 ptg	Pendidikan Islam   Tingkatan 1 Maruah Diri Cermin Peribadi  Pendidikan Islam   Tingkatan 2 Ketaatan Malaikat
		3.00 - 4.00 ptg	Pendidikan Moral   Tahun 4 Kasih Sayang - Menyayangi Jiran Kita  Pendidikan Moral   Tahun 5 Hemah Tinggi - Mengamalkan Sikap Bersopan dalam Majlis dan Upacara Masyarakat Setempat.	5.00 - 6.00 ptg	Pendidikan Seni Visual   Tingkatan 4 Alat Kebesaran & Perhiasan Diraja  Pendidikan Islam   Tingkatan 4 Dakwah Pemasu Kemajuan

Hari Ahad   Tarikh: 23 Oktober 2022					
TV Okey RTM		Astro 601		Astro 603	
Masa	Rancangan	Masa	Rancangan	Masa	Rancangan
9.00 - 9.55 pagi	Matematik   Tingkatan 1 Garis Bersilang  Geografi   Tingkatan 6 Hidrologi - Kitaran Hidrologi	9.00 - 10.00 pagi	Pendidikan Khas   Tahun 1 Bahasa Melayu (Mengenal Abjad 'a' hingga 'z' dalam Braille)  Pendidikan Khas   Tahun 2 Bahasa Inggeris (Letters of the alphabet)	11.00 pagi - 12.00 tgh	Geografi   Tingkatan 1 Bentuk Muka Bumi & Saliran Di Asia Tenggara - Bentuk Muka Bumi, Sungai Dan Tasik  Geografi   Tingkatan 2 Pemanasan Global
		10.00 - 11.00 pagi	Pendidikan Khas   Tahun 6 Bahasa Inggeris (Directions)  Pendidikan Khas   Tahun 4 Sains - Sifat Cahaya	12.00 - 1.00 ptg	Pendidikan Khas Vokasional - Operasi Pengeluaran Batik   Tingkatan 4 & 5 (SKM3) Penyediaan Dan Campuran Lilin Batik Lukis  Pendidikan Khas Vokasional - Operasi Pengeluaran Batik   Tingkatan 4 & 5 (SKM3) Penyediaan Dan Campuran Lilin Batik Terap
1.00 - 1.55 ptg	Pendidikan Khas Vokasional - Penyediaan Dan Pembuatan Makanan   Tingkatan 4 (SKM2) Hidrologi Utama: Resepi Tempatan (Nasi Ayam)  Pendidikan Khas Vokasional - Operasi Pengeluaran Batik   Tingkatan 4 & 5 (SKM3) Penghasilan Batik Kontemporari		Siaran Ulangan		
		2.00 - 3.00 ptg	Pendidikan Khas   Tahun 1 Bahasa Melayu (Mengenal Abjad 'a' hingga 'z' dalam Braille)  Pendidikan Khas   Tahun 2 Bahasa Inggeris (Letters of the alphabet)	4.00 - 5.00 ptg	Geografi   Tingkatan 1 Bentuk Muka Bumi & Saliran Di Asia Tenggara - Bentuk Muka Bumi, Sungai Dan Tasik  Geografi   Tingkatan 2 Pemanasan Global
		3.00 - 4.00 ptg	Pendidikan Khas   Tahun 6 Bahasa Inggeris (Directions)  Pendidikan Khas   Tahun 4 Sains - Sifat Cahaya	5.00 - 6.00 ptg	Pendidikan Khas Vokasional - Operasi Pengeluaran Batik   Tingkatan 4 & 5 (SKM3) Penyediaan Dan Campuran Lilin Batik Lukis  Pendidikan Khas Vokasional - Operasi Pengeluaran Batik   Tingkatan 4 & 5 (SKM3) Penyediaan Dan Campuran Lilin Batik Terap

Perubahan jadual rancangan tertakluk kepada pindaan

Perubahan jadual rancangan tertakluk kepada pindaan

# Aplikasi 'Reading Progress' bantu murid kuasai bahasa Inggeris

**S**ERAMAI 1,188 guru dan 576 sekolah di dalam dan luar bandar terbabit dalam projek rintis penggunaan aplikasi *Reading Progress*, bertujuan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris (BI) dalam kalangan murid.

Menteri Kanan Pendidikan, **Datuk Dr Radzi Jidin** berkata aplikasi tersebut akan mengoptimumkan cara sebutan dan pengenalan perkataan baharu selain struktur ayat dalam subjek itu dengan lebih baik.

"Aplikasi ini akan digunakan dalam sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) khususnya untuk membantu murid-murid menguasai sebutan perkataan dalam BI dengan baik."

"Melalui pendekatan itu, murid-murid boleh merekodkan audio dan video atau kedua-duanya sekali apabila membaca dalam BI, selain sistem ini akan membantu mereka melihat apakah perkataan, cara sebutan dan sebagainya."

"Ini akan dapat membantu murid mengenal perkataan baharu dan penyusunan struktur ayat yang lebih baik," katanya.

Katanya, ini turut melibatkan 1,088 guru-guru dalam melihat dan melonjakkan potensi murid-murid ke tahap lebih tinggi dalam penguasaan bahasa itu.

"Murid-murid akan merekod audio atau video atau dua-duanya sekali apabila baca bahan bacaan Inggeris dan sistem ini membantu mereka lihat apakah perkataan dan cara sebutan serta sebagainya."

"Ini merupakan sebahagian konsep dan usaha pendigitalan pendidikan



memberi ruang kepada murid-murid untuk belajar dalam suasana menyeronokkan dan merasakan mereka sebahagian daripada proses tersebut," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Inisiatif 'Reading Progress' di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada Selasa.

Menurut Radzi, penanda aras bagi program ini adalah mengoptimumkan potensi setiap murid dengan mempunyai peringkat bacaan melihat pada penguasaan murid-murid.

Justeru, beliau menegaskan para guru akan mempunyai data atau 'baseline' tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid.

"Secara tidak langsung apabila program ini berterusan, pengenalan terhadap perkataan dan struktur baharu membolehkan murid mula

mempunyai keyakinan penguasaan bahasa ini," katanya.

Mengulas lanjut, Radzi memaklumkan kementerian juga akan memperluaskan dalam bahasa Melayu sekeranya aplikasi telah tersedia dalam Microsoft yang dijangka pada tahun depan.

"Buat masa ini belum siap berbanding bahasa Inggeris. Semua ini merupakan pendekatan bagi memudahkan pembelajaran dan memastikan lebih cekap dan berkesan," jelasnya.

Katanya, antara aspek yang akan diteliti sepanjang tempoh projek perintis adalah kekuatan dan kestabilan internet yang diperlukan di setiap sekolah untuk membolehkan aplikasi *Reading Progress* digunakan secara berkesan.



## READING PROGRESS

TUJUAN	OBJKTIF	SASARAN
✓ Melaksanakan penilaian tahap pembacaan murid secara digital melalui Artificial Intelligence (AI).	✓ Menyediakan platform menilai tahap pembacaan murid. ✓ Memudahkan pelaksanaan penilaian tahap pembacaan murid oleh guru secara digital.	✓ Memperkenal dan mengoptimumkan penggunaan tools <i>Reading Progress</i> bagi meningkatkan tahap pembacaan murid yang berjarkan CEFR.

## TEKNOLOGI / APLIKASI YANG DIGUNAKAN

- Education Insight in MS Teams - Educators access Insights at the class level to track student progress (available in Teams for free)
- Mengandungi fungsi Artificial Intelligence (AI)
- 116 auto-detect language (termasuk Bahasa Melayu)
- Immersive Reader built-in
- Video & Audio Enablement for Reading Progress assignment
- Education Insights Premium - a paid upgrade which provides education leaders an organization-level view of Education Insights data

## SUMBER BACAAN : COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES (CEFR)

Pihak ELTC telah menyediakan sumber bacaan berdasarkan tahap CEFR (A1-C1).  
Link: [standards.uk.org](http://standards.uk.org)

## GARIS MASA INISIATIF PROGRESS READING

- 9/9/2022: BSTP mengeluarkan surat jemputan kepada GPOD, MIEE, JPJ dan PPD.
- 11/9/2022: BPPM mengeluarkan memorandum termasuk Timbulan Pengaruh Sektor Pendekatan BI.
- 16/9/2022: MPPD melakukan Master Training Class yang dihadiri oleh GPOD, MIEE, JPJ dan PPD.
- Segitiga Okt 2022 (2 Bulan): GPOD dan MIEE membuat guru-guru bahawa Inggeris.
- 20/10/2022: Penanaman Progress Reading oleh YB Menteri Pendidikan.
- 1/11/2022: JPJ merangsang pelajar membuat laporan PPD.
- 14/11/2022: BPPM mengeluarkan hadis penilaian progress reading kepada YBPK.

### What is reading fluency?

Reading with few errors.

The skill of reading aloud with proper intonation, phrasing, and expression.

Accuracy  
Oral reading fluency  
Prosody  
Reading Speed  
The rate at which a student reads.

Tunai impian ibu dan bapa

# Karate jadikan Dharsini berjiwa kental

SABRINA SABRE

**B**IARPUN sudah sebat dalam sukan karate sejak kecil, namun atlet Wilayah Persekutuan, **Dharsini S.Gnanasekaran**, 23, enggan mempertaruhkan masa hadapan demi sukan semata-mata.

Malah dia sedar, tanggungjawab yang dipikul sebagai seorang atlet, pelajar serta anak perlu dilunaskan untuk memastikan keputusan yang diraih cemerlang dalam setiap bidang yang diceburi.

"Saya mesti bijak membahagikan masa antara pelajaran dan latihan kerana walaupun bergelar atlet sepenuh masa, pencapaian akademik juga perlu diberi perhatian yang serius demi masa hadapan."

"Ibu dan bapa meletakkan harapan tinggi terhadap saya dalam



bidang akademik. Saya tidak mahu menghamparkan mereka dan berjanji melakukan yang terbaik dalam bidang sukan dan akademik," ujar pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan, Universiti Malaya ini.

Berita lanjut tentang penglibatannya, anak sulung daripada dua orang adik-beradik ini berkata dia melihat sukan karate banyak memberi manfaat di samping menganggap seni mempertahankan diri perlu dipelajari seseorang wanita untuk melindungi diri.

"Sukan ini memerlukan ketangkasan tubuh badan, stamina, fokus yang tinggi dan bijak mengatur strategi dan mencari kelemahan pihak lawan," ujarnya yang mengakui karate menjadikan dirinya seorang wanita berjiwa kental.



DHARSINI (kanan) ketika beraksi pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 September lalu.

Menanam impian untuk beraksi pada Kejohanan Karate Dunia (WKF), atlet kelahiran Kuala Lumpur ini berkata dia berhasrat mencuba sehabis baik untuk mencipta nama dalam negara terlebih dahulu.

"Buat masa sekarang, saya

menumpukan sepenuh perhatian dan mempergiatkan latihan bagi menghadapi perlawanan dalam Kejohanan Karate 1 Series A Jakarta yang akan diadakan pada November ini di Jakarta, Indonesia.

"Saya memasang impian untuk beraksi di WKF dan Olimpik se-

## Pencapaian Dharsini

- 2022 – SUKMA - Emas
- 2022 – SUKIPT - Emas
- 2022 – ASEAN University Games, Thailand - Tempat kedua
- 2022 – Thailand Open Karate-Do Championship - Tempat ketiga

belum umur 28 tahun. Diharap apa yang diinginkan tercapai dalam tempoh tersebut," ujarnya yang menjadikan karateka Azerbaijan, Rafael Mahir Aghayev sebagai idola.

Dharsini yang kini sedang mengikuti latihan industri di Majlis Sukan Negara (MSN) berhasrat ingin bergelar seorang Pegawai Atasan Penyiasat suatu hari nanti.

WK

# Juara Piala Presiden: Umar tebus kekalahan di SUKMA XX MSN 2022

DIANA AMIR

**BERJAYA** merangkul gelaran juara Piala Presiden bagi acara muay thai baru-baru ini ternyata memberi satu kepuasan buat **Muhammad Umar Osman** yang bernaung di bawah kelab Muay Boran Kawanboxx.

Berkongsi perasaan gembiranya kepada Wilayahku, Umar berkata kemenangan yang diperoleh sedikit sebanyak menebus detik kekalahannya di pentas Sukan Malaysia (SUKMA) XX tempoh hari.

"Alhamdulillah, saya gembira apabila dinobatkan sebagai juara Piala Presiden pada kali ini. Terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa datang dan tidak pernah putus memberi sokongan terhadap apa yang saya lakukan."

"Di pentas SUKMA XX, saya mewakili Wilayah Persekutuan di bawah kategori 51-54 kilogram namun tiada rezeki kerana kalah di peringkat awal. Kemenangan ini memberi sinar buat saya untuk terus bekerja keras bagi memenangi pertandingan yang seterusnya," katanya.

Mengulas berkenaan prestasi pihak lawannya, Umar berkata perlawanan pada malam itu sengit memandangkan lawannya juga merupakan seorang petinju.

"Dia salah seorang petinju yang bagus dan mempunyai stamina yang baik. Namun saya tidak mudah gentar dan itu bukanlah halangan buat saya. Alhamdulillah saya berjaya," ujarnya mengakui melakukan latihan setiap hari sebelum perlawanan.

Tambahnya lagi seperti pemain muay thai yang lain, Umar juga menasarkan untuk memenangi sekurang-kurangnya satu tali pinggang di dalam perlawanan muay thai yang disertai.

"Selain itu, saya juga mahu memenangi mana-mana perlawanan di peringkat tertinggi dan terus membanggakan keluarga serta kelab yang banyak memberi ilmu dalam menjadi seorang petinju yang hebat,"

katanya yang akan meneruskan sesi latihan seperti biasa.

Terdahulu, Kejohanan Seni Mempertahankan Diri diadakan di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya pada 15 Oktober dan 16 Oktober 2022 lalu menyaksikan juara kategori profesional membawa pulang Piala Presiden PPj manakala juara kategori amatur membawa pulang medal dan sijil penyertaan. WK



AKSI Umar (kiri) ketika Kejohanan Seni Mempertahankan Diri yang diadakan bersamaan Hari Penguasaan Perbadanan Putrajaya 2022 baru-baru ini.

# LTdL 2022: 117 pelumba melalui Putrajaya

**PELEPASAN.** Perlumba peringkat ketiga siri jelajah Le Tour de Langkawi (LTdL) 2022 sejauh 123.7km dari Putrajaya ke Genting Highlands diadakan pada 13 Oktober 2022 yang lalu bertempat di Dataran Putra, Putrajaya.

Seramai 117 pelumba basikal dari 20 buah pasukan peringkat dunia mengambil bahagian dalam edisi ke-26 itu yang berlangsung bermula 11 Oktober sehingga 18 Oktober 2022.

LTdL 2022 yang berlangsung selama lapan hari tersebut turut menjelajah negeri-negeri di Pantai

Barat Semenanjung Malaysia bermula dari Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

Terdahulu, sebanyak tujuh pasukan benua menghantar wakil antaranya Malaysia yang merupakan tuan rumah, Polygon Cycling Team (TSG) selain Protouch (Afrika Selatan); Team Ukyo (Jepun); Ara Pro Racing Sunshine Coast (Australia); Mula (Indonesia); Thailand Continental Cycling Team (Thailand); China Glory Continental dan Cycling Team (China). WK



ACARA pelepasan pelumba basikal di Dataran Putra, Putrajaya baru-baru ini.



## Stadium AFC bakal dibina di Putrajaya

**S**ATU lagi berita gembira bagi peminat sukan Malaysia selepas Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) dengan kerjasama Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) akan membangun sebuah stadium canggih berkapasiti 10,000 penonton di Putrajaya.

Stadium yang dinamakan Stadium AFC itu bakal dibangunkan di tapak seluas 6.172 hektar, kira-kira 30 kilometer dari Ibu Pejabat AFC di Bukit Jalil dan dilengkapi dengan grandstand, kawasan boulevard dan atrium untuk penonton, pejabat pentadbiran dan tempat letak kereta bawah tanah.

Keluasaan lantai stadium kiranya 580,000 kaki persegi dengan kapasiti tempat duduk 10,000 dan akan mempunyai padang bola sepak berkualiti tinggi mengikut piawaian FIFA.

Antara beberapa ciri lain, stadium tersebut juga menyediakan kafeteria, ruangan media dan bilik pengulas media serta tarikan air pancut yang akan dibina di pintu masuk stadium.

Bernama melaporkan AFC berkata dana untuk membangunkan stadium itu akan dijana daripada peruntukan FIFA di bawah Program FIFA Forward untuk meneruskan misi



PRESIDEN AFC, Shaikh Salman Ebrahim (kanan) bersama Presiden FIFA, Gianni Infantino di Putrajaya pada Selasa.

AFC memperkasakan bola sepak negara ahli persatuan (MA) dan persatuan serantau (RA).

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan kerajaan Malaysia pula bertanggungjawab menyediakan tapak stadium dan sokongan logistik kepada projek tersebut, kata AFC.

Presiden AFC, Shaikh Salman Ebrahim Al Khalifa, yakin bahawa Stadium AFC itu akan

membuka lembaran baharu kepada MA dan RA untuk mencapai mutu bola sepak yang lebih tinggi dalam dekad akan datang.

"Ibu pejabat AFC di Putrajaya menjadi lokasi penting pembangunan melalui pelbagai latihan, kursus, bengkel dan seminar dalam bidang teknikal dan pengadilan dan kini dengan adanya Stadium AFC, kami mempunyai potensi untuk melakukan



LAKARAN stadium yang akan dibina di Putrajaya.

lebih banyak lagi.

"Bagi pihak keluarga bola sepak Asia, saya harus berterima kasih kepada FIFA atas kesediaan mereka untuk melakar era baharu kemajuan bersama AFC dan juga kerajaan Malaysia atas dedikasi terhadap pembangunan bola sepak di Asia, bukan sahaja melalui projek ini tetapi juga kerana sokongan yang telah diberikan sejak beberapa dekad," kata Shaikh Salman.

Sementara itu, Presiden FIFA,

Gianni Infantino, yang menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif AFC ke-11 di Putrajaya pada Selasa, berkata projek tersebut adalah pelaburan penting untuk bola sepak Asia.

"Ia adalah projek yang hebat dan saya sangat berbangga dan gembira kerana kami bekerjasama melalui stadium AFC dan FIFA ini yang melambangkan satu langkah baharu yang sangat penting bagi seluruh rantau Asia," katanya.

WK

## Penglibatan selebriti bantu sebar manfaat Kempen E-waste

DEEL ANJER

JABATAN Alam Sekitar (JAS) melahirkan rasa gembira dengan penglibatan golongan selebriti da-

lam membantu Kempen Kesedaran E-waste iaitu kepentingan pengumpulan buangan peralatan elektrik dan elektronik dalam kalangan penduduk di negara ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Dr Norhazni Mat Sari berkata penglibatan golongan berkenaan sejak setahun lalu secara langsung membantu menyampaikan maklumat berkaitan e-waste kepada khalayak menerusi platform media sosial jabatan dan juga selebriti terbabit.

"Kita gembira dan melihat satu perkembangan baik dengan penglibatan para selebriti dalam membantu kempen ini



NORHAZNI

kepada masyarakat awam.

"Sebenarnya sejak tahun lalu kita sudah mula membabitkan golongan selebriti dalam kempen kita. Alhamdulillah ia memberikan satu kesan yang baik," katanya kepada Wilayahku.

Beliau ditemui dalam sidang media selepas merasmikan Karnival Jom E-Waste baru-baru ini sempena Hari E-Waste Antarabangsa yang disambut pada 14 Oktober setiap tahun.

Beliau berkata Fahrin Ahmad dan Bell Ngasri sebagai contoh, memberikan komitmen yang baik sejak terbabit secara langsung pada tahun lalu dalam beberapa siri kempen dan program mengenai e-waste.

Katanya, pihaknya membuka peluang kepada semua selebriti yang berminat tanpa menetapkan

sebarang kriteria asalkan sudi membantu menyebarkan kesedaran mengenai usaha kempen e-waste kepada rakyat Malaysia.

Tambahnya, meskipun kesedaran masih di tahap rendah sejak kempen ini bermula pada 2014, namun sepanjang tahun sentiasa memperlihatkan kadar peningkatan terhadap pengumpulan e-waste iaitu sekiranya 100 tan metrik pada peringkat awal meningkat kepada 2,650 tan metrik pada 2021.

Sementara itu, Fahrin ketika ditemui mengakui tidak begitu ambil peduli mengenai e-waste sebelum terbabit sendiri dengan kempen berkenaan malah menganggap ia sebagai bahan buangan biasa.

"Sebenarnya banyak yang saya pelajari mengenai e-waste ini. Barang elektronik dan elektrik kita seperti telefon bimbit serta televisyen yang rosak tidak

boleh dibuang sesuka hati kerana ia memberikan kesan yang tidak baik kepada alam sekitar," katanya.

WK

FAHRIN AHMAD



BELL NGASRI

